Pilihan Seumur Hidup

Pilihan Perhubungan Tanpa Penyesalan

Oleh Mike Constantine

PENGENALAN

Susan duduk sambil menangis, mata kemerahan, harapannya berkecai. John, teruna yang bakal dikahwininya, melukakan hatinya. “Mengapa kamu marah sangat?” dia bertanya Susan. “Pernahkah aku berjanji kamu saja wanita dalam hidupku? Lagipun, baru sekali terjadi. Takkan kamu tak boleh cuba memahami?"

Seperti banyak pasangan, mereka membenarkan perasaan cinta menjerumuskan mereka ke dalam hubungan yang Susan memang sudah terasa tidak betul.

Namun, John baik orangnya pada kebanyakan masa. Dan mereka sudahpun bersetubuh. Sebenarnya, kadang-kadang Susan merasa seks-lah yang menjadi ikatan hubungan mereka yang sudah ada tanda-tanda keretakan. Sekurang-kurangnya itulah sesuatu yang istimewa bagi mereka dan yang milik mereka.

Kemudian, John menghantar mesej teks, yang sebenarnya ditujukan kepada gadis lain. Dia tersalah hantar kepada Susan. Pada masa itulah baru dia mengetahui tentang gadis yang seorang lagi itu. Hati Susan pecah berkecai. Istimewa kononnya!

Pada saat-saat dia jujur kepada diri sendiri, Susan mengaku dia telah perasan tanda-tanda tersebut sekurang-kurangnya dua tahun lamanya. Tetapi dia merasa dirinya begitu rapat, begitu istimewa kepada John, sehingga dia tidak memperdulikan tanda-tanda amaran itu.

Dia tidak akan mengahwini lelaki yang pernah menipunya. Apa lagi sebelum berkahwin. Tetapi siapa lagi yang mahukan dia? Dan apa kata jika lelaki selepas John juga seteruk John?

Bagi anda semua yang masih bujang, lelaki dan wanita, ada jalan yang lebih baik. Pilihan Seumur Hidup akan membantu anda menemuinya.

KATA PENGANTAR

Selama 30 tahun saya berbicara dengan anak-anak muda tentang berpacaran dan perkahwinan. Jika kamu tinggal di Malaysia, mungkin saya pernah berbual dengan ibu atau ayah kamu ketika mereka masih muda. Ini merupakan topik saya yang dengan anak-anak muda.

Tambahan lagi, bersama isteri saya, kami mengadakan banyak perbualan dan perbincangan dengan anak-anak muda yang mahu tahu bagaimana menjalinkan hubungan, berpacaran dan mencari jodoh. Kami juga mengadakan kaunseling pra-nikah dengan menggunakan bahan-bahan yang kami sediakan dalam konteks Asia Tenggara.

Segala penglibatan ini telah memupuk hasrat mendalam untuk membantu anak-anak muda membuat keputusan terbaik dalam hal berpacaran, amalan-amalan seks, dan pilihan pasangan hidup.

Saya bukannya menulis teori, sepertimana teori-teori dalam ilmu sains, termasuk saikologi. Demi kemurahan Tuhan, saya berpendapat saya mempunyai jawapan-jawapan munasabah, bukan sekadar teori-teori sahaja.

Seringkali, bila kita lebih berminat dengan teori daripada menemui jawapan, kita sebenarnya ingin mencari jalan keluar. Sambil kita memeriksa teori-teori yang dikemukakan, kita masih melakukan hal-hal yang kita sedar, adalah salah.

Mungkin ide-ide dalam buku ini boleh membantu anda membuat keputusan yang lebih bijak dan mengelakkan beberapa kesilapan umum. Tujuan saya ialah menunjukkan hala yang betul, bukan

menjawab setiap soalan yang mungkin timbul berkaitan dengan hubungan lelaki/wanita. Untuk menjawab semua soalan-soalan tersebut memerlukan sejilid buku begitu tebal yang tidak mungkin dibaca oleh seseorang bujang yang sibuk. Oleh kerana saya mahu anda membacanya, saya tidak akan panjang lebar. Saya akan memberi anda beberapa prinsip nyata dan mudah, tetapi diiringi dengan bertahun-tahun pengalaman dan kajian.

INTI ATAU TERAS PILIHAN SEUMUR HIDUP

Pokoknya: anak-anak muda hari ini mahu tahu sama ada perkahwinan masih penting. Jika ya, bagaimana kita memilih dengan sebaik-baiknya demi membina rumahtangga yang bahagia dan berkekalan?

Walaupun terdapat banyak tren yang berubah-ubah, soalan-soalan kaum muda masih mengikuti arus dan landasan yang agak sama. Yang mereka mahu ialah kesederhanaan dan kejelasan, sesuatu yang agak sukar didapati dalam keadaan sosial yang mengelirukan hari ini. Kerumitan dan teori mungkin baik bagi kajian kimia atau algebra tetapi dalam hal berpacaran dan perkahwinan, pengetahuan jelas, praktikal dan yang boleh dipakailah yang dikehendaki oleh kaum muda.

Pilihan Seumur Hidup menyediakan jawaban-jawaban yang akan membantu anda memilih pasangan hidup dan apa yang harus dilakukan sebelum anda membuat pilihan tersebut. Di sini, benarkan saya bertanya. Bolehkah anda dengan sedaya upaya, bersikap jujur ikhlas dengan Tuhan, dengan Firman Tuhan, dan dengan diri anda sendiri? Ketidakjujuran pasti menjaminkan kehidupan yang kacau bilau.

Saya menulis sebagai seorang Kristian, yang mempercayai Yesus, dan sebagai seseorang yang sudah menguji kebolehpercayaan Alkitab. Jika anda tidak memiliki kepercayaan yang sama, tidak mengapa. Teruslah membaca. Banyak daripada prinsip yang akan dikongsikan, boleh membantu tidak kira apa sekalipun kepercayaan anda. Dan manalah tahu, jika anda mendapati ide-ide Alkitabiah ini menarik dan anda ingin mengenali Tuhan di sebalik ajaran-ajaran-Nya.

Juga, pembaca utama saya ialah orang-orang Asia. Walaupun saya berbangsa Amerika, Asialah tempat saya banyak berkecimpung dalam bidang ini. Jika anda berasal dari tempat lain, semua kandungan dalam buku ini masih boleh membantu. Oleh itu, marilah terus membaca.

Ingat: pilihan anda bukan untuk seketika sahaja, ataupun hanya semusim. Ianya pilihan seumur hidup.

TENTANG REKABENTUK BUKU INI

Pilihan Seumur Hidup dibahagikan kepada bab-bab yang ringkas. Setiap bab mempunyai bahagian kecil seterusnya. Di akhir buku ini akan terdapat beberapa soalan renungan bagi setiap bab. Anda boleh menggunakannya secara persendirian, bersama seseorang kawan, atau dalam kumpulan diskusi.

Nama-nama yang digunakan dalam buku ini hanya nama samaran di sebalik kisah-kisah yang tercatat. Terdapat juga gabungan kisah-kisah daripada beberapa orang.

BAB SATU

Ide-ide: Penting, tetapi berubah-ubah

Kebanyakan anak-anak muda amat cerdik. Mereka mahu jawaban-jawaban yang jelas, bukan prinsip-prinsip umum atau secara am sahaja. Secara semulajadinya, mereka sedar bahawa topik ini amat penting yang akan meninggalkan kesan sepanjang hidup.

Mereka memerhatikan dan menilaikan perkahwinan yang lain, dan mewujudkan soalan-soalan. Adakah mereka mahu perkahwinan seperti itu? Masih adakah harapan bagi mencapai perkahwinan yang bahagia? Seperti yang disampaikan melalui emel oleh seorang wanita muda dari Malaysia:

> *Saya mula kecewa dengan perkahwinan. Kawan-kawan yang sudah berumahtangga bukannya seronok sangat! Sukar rasanya nak jadi seperti mereka sedangkan dalam hidup dan perhubungan saya, terasa seperti gadis yang sedang cuba menyeberang sungai yang dipenuhi lumpur.* ***Jelas sekali, ide-idenya, and mungkin idamannya, terjejas.***

Bagi perbincangan kita, sesuatu ide merupakan maklumat yang mungkin betul atau palsu; baik atau buruk; bijak atau bodoh. Sesetengah ide (seperti ubat gigi mana yang lebih baik) tidaklah penting sangat. Marilah kita lupakan hal-hal sebegitu buat masa ini, dan tumpukan perhatian kepada ide-ide yang akan meninggalkan kesan mendalam sepanjang hidup.

Ide-ide amat berkuasa. Ia boleh mengubah kepercayaan, nilai-nilai, andaian-andaian, dan akhirnya, pilihan-pilihan kita. Proses ini biasanya terjadi secara beransur-ansur, seperti tibanya subuh atau senja. Namun ia tetap berkuasa.

Ide-ide datang kepada kita melalui pelbagai mesej. Kita melihat dan mendengar ribuan berita dan maklumat setiap hari. Ada datangnya dari media– program, filem, musik, laman sesawang, dan iklan-iklan. Ide-ide lain sampai kepada kita melalui jaringan sosial. Ibu bapa dan kawan-kawan sezaman kita mempunyai pendapat-pendapat mereka masing-masing. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin rohani kita.

Kita turut membentuk ide kita dengan memerhatikan dunia sekitaran kita. Bila disatukan pemerhatian kita dengan mesej-mesej dari pelbagai saluran, kita membentuk pendapat kita tentang kehidupan, termasuk perkahwinan dan hal rumahtangga.

Kita sebenarnya tidak ada pilihan. Oleh kerana kita tidak boleh hidup berseorangan dalam gua, maka kita harus mencari jalan menilaikan mesej-mesej dan ide-ide yang terkandung di dalamnya. Jika anda tidak membuat pernilaian, akhirnya anda akan melepaskan kebanyakan keputusan-keputusan penting kehidupan kepada peluang-peluang sahaja- atau sama teruknya, kepada ide-ide yang tidak betul.

Andaian-andaian yang Berubah-ubah

Mungkin limpahan mesej-mesej yang bertentangan inilah yang menjadi salah satu sebab mengapa ramai anak-anak muda menangguhkan perkahwinan. Satu atau dua generasi yang lalu, anak-anak muda menanti-nantikan hari mereka akan mendirikan rumahtangga sendiri. Mereka sebenarnya beranggapan mereka pasti akan berkahwin, sekali seumur hidup, mungkin awal atau lewat duapuluhan. Tambahan lagi, kebanyakan pasangan tidak tinggal bersama sebelum berkahwin. Sekarang, semua anggapan ini sudah berubah:

> *Kaum muda hari ini meninggalkan rumah ibubapa jauh lebih lewat, atau lebih kerap pulang, meneruskan pengajian lebih lama, menangguhkan perkahwinan, dan bertukar-tukar pekerjaan dengan lebih kerap daripada generasi ibubapa mereka. Faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan ini berpunca daripada keadaan kewangan, perubahan pandangan dan kebiasaan, serta, perubahan gambaran generasi ini . . .*
>
> *Jaringan Peralihan kepada Kedewasaan, italik kepunyaan saya (transad.pop.upenn.edu/about/whatweknow.html)*

Laman sesawang yang sama meneruskan:

> *Tidak pernah kita menyaksikan perubahan pandangan terhadap perkahwinan dan rumahtangga seperti dalam pandangan generasi ini. Anak-anak muda hari ini semakin menangguhkan perkahwinan dan mendirikan rumahtangga, dan seringkali percaya mereka harus mencapai semuanya (selesai pendidikan, kerjaya mantap, simpanan wang mencukupi untuk membeli rumah, dsb.) sebelum berkahwin.*
>
> *Mereka juga mempunyai pandangan lebih romantis terhadap bakal pasangan mereka. Mereka mencari-cari seseorang yang sehati sejiwa dengan mereka. Mereka juga mahu tetap berdikari, tidak berapa sanggup menggadaikan kebebasan mereka. Generasi dahulu biasanya mempunyai pandangan bahawa perkahwinan ialah anda + saya = kita, anak-anak muda hari ini pula anda + saya = anda dan saya.*

Berikut merupakan lebih data daripada Amerika, negara yang ide-ide and konsep-konsep sosialnya tersebar luas ke merata dunia, khususnya melalui media. Petikan-petikan berikut datangnya daripada Albert Mohler:

> *Bila Belinda Luscombe (seorang penyelidik) mengatakan bahawa perkahwinan "berdasarkan sebab-sebab praktikal tidak lagi begitu diperlukan seperti dahulunya," dia memang mempunyai sebab-sebab untuk menyokong kenyataannya. "Lelaki atau wanita tidak perlu berkahwin semata-mata untuk mendapatkan seks atau pasangan atau kejayaan*

profesional atau penghormatan atau, malah anak-anak." Semua itu benar — bila perkahwinan dilihat menurut kacamata budaya Amerika.

Mengenai sikap yang berubah-ubah tentang seks, inilah yang dikatakan oleh Mohler:

> *Perkahwinan tidak lagi mengawal seks. Revolusi Seks, secara social - seks diceraikan daripada perkahwinan, dan dengan munculnya ubat pencegah hamil, seks diceraikan pula daripada pembiakan. Perceraian tanpa-menyalahkan sesiapa muncul sebagai satu cara penyesuaian kepada perkahwinan yang tidak kekal. Hal ini secara tidak langsung memberi takfiran baru kepada undang-undang perkahwinan dan keluarga. Status sosial dan jangkaan-jangkaan professional dibebaskan daripada persoalan perkahwinan, dan ramai feminis mengisytiharkan perkahwinan sebagai sesuatu yang halangan kepada kebebasan sepenuh bagi kaum Hawa.*
>
> *– Albert Mohler, Siapa Perlukan Perkahwinan: TIME bertanya–Adakah Anda Mempunyai Jawapan? Christianity.Com*

Semua komen itu turut melibatkan penghuni Asia moden serta Amerika. Sebagai contoh, pertimbangkan Singapura (yang sering menonjolkan perubahan sosial yang bakal dialami oleh Malaysia kelak):

> *Orang-orang Singapura semakin lewat berkahwin, dan ramai yang tetap membujang . . .*
>
> *– Jejaka & Gadis Keluar Makan? – Suatu Pengertian Kemasyarakatan terhadap Perkahwinan pada umur yang lebih tua serta Kesuburan Berkadar Rendah terhadap Masyarakat Singapura. Pauline Tay Straughan, Bahagian Sosiologi, National University Singapura.*

Komen-komen itu hanya merupakan beberapa contoh sahaja tentang andaian-andaian dan ide-ide yang semakin berubah yang dialami oleh anak-anak muda. Memandangkan hal ini, berapa banyakkah perubahan yang anda lihat dalam ide dan andaian anda sendiri? Dan bagaimanakah perubahan persepsi-persepsi itu mempengaruhi masa depan anda?

Perkahwinan, hukuman seumur hidup

Anda akan menghabiskan lebih kurang lima puluh tahun dalam perhubungan rapat dan mesra dengan pasangan pilihan anda yang anda kahwini. Itupun, jika anda mencapainya. Bukan semua orang berjaya. Tetapi jika anda berjaya, lima tahun atau mungkin lebih lama menanti anda.

Itu hukuman seumur hidup.

50 tahun! Itu bersamaan 18,262 hari, termasuk hari tambahan bagi tahun-tahun kabisat. Berapa pagi anda berdepan dengan mulut berbau busuk dan rambut yang belum bersikat? Berapa kali makan di atas meja yang sama? Berapa kali dia mengotorkan bilik mandi atau masakannya tidak sedap? Berapa kali bergaduh kerana dia menggunakan wang anda? Berapa kerap rasa murung? Berapa kali berkelahi? Berapa hari biasa, yang tiada apa-apa yang hebat atau menakjubkan terjadi?

Pilihlah dengan bijak. Perkahwinan mungkin impian terkabul atau mimpi ngeri, bergantung kepada pilihan anda.

"Ahh, kalau tak jadi, kita cerai saja," anda berfikir. Tanpa banyak berbincang biar saya katakan bercerai itu umpama melalui pembedahan jantung tanpa diberi ubat bius. Walaupun perceraian merupakan jalan terakhir, ia masih menghancurkan dan selalu melukakan anak-anak.

Dalam bab seterusnya kita akan meninjau model perkahwinan alkitabiah. Jutaan orang bersaksi dan bersetuju bahawa model alkitabiah merupakan model terbaik. Saya berharap anda turut mengikuti mereka.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB SATU

Ide-ide: Penting, tetapi Berubah-ubah

1. Pertimbangkan beberapa perkahwinan yang pernah anda perhatikan. Adakah pemerhatian anda mengubah pandangan-pandangan anda tentang perkahwinan?
2. Fikirkan tentang kawan-kawan dan kenalan-kenalan anda. Bagaimanakah anda menghuraikan sikap-sikap mereka terhadap perkahwinan?
3. Apakah respons anda kepada kenyataan berikut: "Kalau tak jadi, cerai saja." Kenalkah anda dengan sesiapa yang berpendapat sedemikian? Adakah anda kenal sesiapa yang pernah mengalami perceraian? Apakah kesan-kesannya terhadap mereka?

BAB DUA

Perkahwinan Menuruti Kitab

Seperti yang saya katakan, ide-ide datang melanda. Jadi, kita perlu sesuatu standad atau ukuran untuk membuat perbandingan, suatu kata putus. Ramai orang mendapati Alkitab adalah standad yang terbukti dan boleh dipercayai.

Marilah kita ambil masa sejenak untuk memahami model alkitabiah bagi perkahwinan. Sesetengah prinsip berikut diambil terus daripada Alkitab sementara yang lain merupakan kesimpulan pemahaman saya tentang ajaran Alkitab. Dengan kedua-duanya, kita dapat melihat suatu gambaran perkahwinan yang manis dan menarik. Sebenarnya, saya tidak dapat bayangkan pandangan perkahwinan yang lebih menarik daripada itu.

Perkahwinan dirancang oleh Tuhan. Inilah Prinsip Asal Usul. Anda akan mendapati hal ini tercatat dalam Kejadian 2:24:

> *Sebab itu seorang laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya menjadi satu daging.*

Berdasarkan ide Alkitabiah ini, perkahwinan melebihi keperluan sosial yang tertubuh hasil proses evolusi. Perkahwinan ditubuhkan oleh Allah bila Dia menciptakan lelaki dan

perempuan yang pertama. Jika Allah ialah Pencipta, kita harus berusaha mengenali apakah pendirian-Nya tentang ciptaan-Nya.

Biarlah saya berhenti sebentar di sini dan mengemukakan satu soalan mengenai sesuatu yang sering ditanya mengenai ayat tadi. Adakah anda tertanya-tanya apakah maksud meninggalkan ayah dan ibu? Ramai di Asia memang sering bertanyakan hal ini. Saya boleh beritahu anda hal ini: ia tidak bermaksud bahawa anda harus meninggalkan ibubapa anda atau langsung tidak menghiraukan mereka. Pendirian Asia tentang ketaatan dan menghormati ibubapa tidak ditiadakan dengan Alkitab. Sebaliknya ia memang ditegakkan oleh Alkitab.

Bila seseorang lelaki dan seseorang perempuan berkahwin, mereka bukannya mengabaikan keluarga masing-masing, tetapi mereka menjadi unit tersendiri dalam keluarga besar mereka. Mereka boleh tinggal bersama-sama dengan ibu bapa mereka atau pun tidak, bergantung kepada keadaan masing-masing dan apa yang terbaik untuk semua pihak.

Perkahwinan dirancang untuk keintiman akad nikah. Inilah Prinsip Persetubuhan. Keintiman akad nikah merupakan kemesraan dalam perkahwinan yang dilindungi oleh janji-janji yang akan ditepati tidak kira apa yang terjadi.

Satu rujukan yang agak grafik tentang hal itu tercatat dalam Kejadian 2:25:

> *Mereka keduanya telanjang, manusia dan isterinya itu, tetapi mereka tidak merasa malu.*

Telanjang! Wah! Seronok! Nanti dulu! Telanjang yang dikatakan di sini tidak merujuk hanya kepada hubungan seks sahaja. Ia menghuraikan suatu perkahwinan yang begitu kukuh sehinggakan suami isteri mendedahkan segalanya tanpa malu atau takut.

Bagi Adam dan Hawa keintiman menyeluruh begitu mudah, sehinggalah Hawa mendengar kata-kata ular, percaya dan berkongsi buah yang terlarang itu dengan suaminya. Sehingga saat itu, mereka tidak berdosa, dan keintiman sepenuhnya terhasil secara otomaik. Selepas itu, segalanya menjadi semakin sukar, dan ini termasuk perkahwinan mereka.

Keintiman bukanlah senang, sebahagiannya disebabkan luka-luka masa lampau. Kita telah melukai orang lain dan turut dilukai. Namun demikian, kita melangkah masuk alam perkahwinan dengan harapan menjalin keintiman secara otomatik seperti yang dialami oleh Adam dan Hawa. Memang hal yang sukar, tetapi percayalah, ia dapat dicapai dan berbaloi.

Tidak kira berapa banyak kisah keretakan rumahtangga yang anda ketahui, anda masih boleh membangunkan perkahwinan yang membahagiakan anda berdua sepanjang masa – di mana anda berdua merasa selamat, yakin dan rapat sekali. Diane dan saya bahagia, selama lebih daripada empat puluh tahun. Tidak ada yang istimewa tentang diri kami. Anda juga berpeluang mendirikan rumahtangga yang bahagia juga!

Satu hal lagi tentang keintiman - seks dalam perkahwinan, merayakan keintiman khusus yang dimiliki oleh sepasang suami isteri. Dunia anda menurunkan nilai seks dengan mengatakan bahawa seks di luar nikah itu suatu kebiasaan, semulajadi, malah perlu. Tolonglah jangan mempercayai mereka. Saya tidak pernah menemui seseorang yang menahan diri daripada seks yang menyesalinya. Tetapi tak kurang mereka yang sesal kerana tidak menunggu sehingga sudah berkahwin. Agaknya, manakah yang akan menjadi pilihan anda?

Perkahwinan bertujuan menjadikan kedua-dua suami isteri bertambah baik. Itulah Prinsip Pembangunan. Alkitab mengatakan tentang hal ini dalam I Tesalonika 5:11:

> *Karena itu nasihatilah seorang akan yang lain dan saling membangunlah kamu seperti yang memang kamu lakukan.*

Anda mungkin mengenali setengah pasangan yang semakin pahit, bukannya semakin manis, disebabkan oleh perkahwinan mereka. Hal sebegini tidak perlu terjadi. Kita boleh membantu satu sama lain supaya menjadi lebih baik, yang berpandangan positif.

Ini tidaklah bermaksud anda mengahwini seseorang yang bermasalah supaya anda boleh membetulkan keadaannya. Jika hal ini berlaku, biasanya akan diikuti dengan bertahun-tahun frustrasi dan akhirnya keretakan rumahtangga. Apa yang dimaksudkan di sini ialah anda berdua boleh menjadi orang yang lebih baik hasil perkahwinan anda, bukan sebaliknya.

Perkahwinan yang sihat membina orang yang sihat, yang lebih cenderung memenuhi tujuan dan rencana Tuhan dalam kehidupan mereka. Seperti yang dikatakan dalam Alkitab, dalam Amsal 27:17, terjemahan baru Indonesia:

> *Besi menajamkan besi, orang menajamkan sesamanya.*

Kita sering mengaitkan ayat ini kepada keadaan yang sukar. Mengapa agaknya? Ayat ini langsung tidak memperkatakan tentang orang-orang yang sukar. Ianya mengatakan dua orang kawan yang saling membantu, dengan menjalinkan perhubungan yang erat. Dan hal ini boleh tercapai dalam perkahwinan.

Perkahwinan dirancang untuk kegembiraan. Inilah prinsip Kebahagiaan. Alkitab merupakan buku paling menggembirakan yang pernah ditulis. Walaupun sukacita tidak terlalu kenampakan kerana Alkitab serius dan realistik, dan ia membawakan cerita keseluruhannya, dengan terus terang, sekalipun tentang hal-hal yang menyedihkan. Namun demikian, sukacita masih ditemui di merata bahagian dalam Alkitab.

Amsal 15:15, menyatakan kesukaan yang dikaitkan dengan jalinan perhubungan antara manusia:

> *Hari orang berkesusahan buruk semuanya, tetapi orang yang gembira hatinya selalu berpesta.*

Setiap perkahwinan akan berhadapan dengan cabaran-cabarannya, tetapi dalam perkahwinan yang baik, pasangan memupuk sikap sukacita yang terdiri daripada menghargai, mengasihi dan berkomitmen. Sukacita itu umpama mata air yang tersemat dalam perkahwinan mereka. Kadang-kadang ianya merupakan kepuasan yang tenang; ada kalanya tertawa riang.

Perkhawinan yang bahagia melindungi lelaki dan wanita daripada mencari keghairahan di tempat lain. Mereka sudah memilikinya dalam hubungan seumur hidup, iaitu perkahwinan mereka. Seterusnya, bila anak-anak dilahirkan, mereka turut berbahagia sebagai ibubapa.

Perkahwinan bertujuan meninggalkan kesan positif pada dunia. Inilah prinsip Pengaruh. Lihatkan apa yang dikatakan oleh Yesus dalam Matius 5:14-16:

> *Kamu adalah terang dunia. Kota yang terletak di atas gunung tidak mungkin tersembunyi. Lagi pula orang tidak menyalakan pelita lalu meletakkannya di bawah gantang, melainkan di atas kaki dian sehingga menerangi semua orang di dalam rumah itu. Demikianlah hendaknya terangmu bercahaya di depan orang, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik dan memuliakan Bapamu yang di sorga.*

Setengah perkahwinan menyebarkan kegelapan. Mereka seakan-akan kabus dingin yang menyeramkan semua orang di sekeliling. Siapakah yang mahukan suasana sebegitu?

Tujuan Tuhan ialah memenuhi kedua-dua orang dengan terang dan kebenaran-Nya (kedua-dua hal ini bergandingan tangan) dan menjadikan perkahwinan umpama rumah api di pantai yang gelap dan berbahaya.

Adakah anda berpendapat ini cuma impian semata-mata? Tidak, sama sekali tidak. Kita semua pernah melihat perkahwinan yang menyebarkan terang yang berpanjangan.

Perkahwinan dirancang supaya berkekalan sepanjang hidup. Inilah Prinsip Kekekalan.

Berikut merupakan kata-kata Kristus dari Matius 19:5-6:

> *Dan firman-Nya: Sebab itu laki-laki akan meninggalkan ayah dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya itu menjadi satu daging. Demikianlah mereka bukan lagi dua, melainkan satu. Karena itu, apa yang dipersatukan Allah, tidak boleh diceraikan manusia.*

Perceraian semakin meningkat, baik di kebanyakan negara maju mahupun membangun. Sudah menjadi suatu kebiasaan sehingga pihak-pihak berkuasa rasa perlu menjadikannya suatu keputusan yang munasabah, yang tidak membawakan apa-apa akibat buruk.

Biar saya jelaskan. Semua perceraian mengakibatkan kesakitan. Malah pasangan yang terpaksa mengambil tindakan terakhir ini mengalami kesakitan dan kelukaan yang berpanjangan. Seperti yang dikatakan oleh Margaret Atwood, "Perceraian umpama pemotongan anggota tubuh; anda masih hidup tetapi sudah ada kekurangan."

Di sini bukanlah tempatnya untuk membincangkan samada perceraian itu betul atau salah. Masa ini ialah masa anda membuat keputusan mahu berkahwin dan berkahwin untuk seumur hidup. Jika anda merancang untuk kejayaan berpanjangan, anda akan mencapainya. Tetapi jika anda masih menerima perceraian sebagai suatu pilihan, maka ianya boleh menjejas usaha-usaha anda untuk berjaya.

Perkahwinan bertujuan menurunkan zuriat. Inilah prinsip Pembiakan. Di sini merupakan kenyatakan Alkitab dalam Mazmur 127:3: (Berita Baik)

> *Anak-anak adalah anugerah TUHAN; mereka adalah berkat-Nya.*

Tujuan Tuhan ialah supaya anak-anak membesar dalam sebuah keluarga yang mantap dengan seorang ibu dan seorang ayah. Ini merupakan keadaan sosial yang paling baik untuk memupuk anak-anak menjadi orang dewasa yang seimbang. Jadi, bila anda merancang untuk berkahwin, tanya diri sendiri samada pasangan pilihan anda akan menjadi seorang ibu atau bapa yang baik.

Bagi diri saya, saya tidak mahu menjadi seorang bapa. Ide itu menakutkan saya. Tetapi walaupun saya tidak dapat melihat diri saya sebagai seorang bapa, isteri saya beranggapan sebaliknya. Sebenarnya, dia pasti saya akan menjadi seorang bapa yang hebat.

Penghamilan Diane merupakan suatu mukjizat. Bila anak-anak lelaki kami dilahirkan, kami berdua dipenuhi dengan rasa syukur. Saya tidak tahu samada saya memang seorang ayah yang hebat, tetapi melalui kemurahan Tuhan, saya telah mengasihi kedua anak lelaki saya dengan penuh sukacita (dan sekarang, saya turut mengasihi isteri-isteri mereka dan cucu-cucu kami).

Seperti kami, ada setengah pasangan tidak mempunyai anak atas sebab-sebab kesihatan. Jika terdapat keadaan yang tidak memungkinkan anak-anak dilahirkan, ingatlah hal ini: Tuhan boleh menyembuhkan anda. Tetapi jika Dia tidak, terdapat beribu-ribu anak yang memerlukan ibubapa yang akan menjadikan mereka anak angkat dan mengasihi mereka. Saya

sendiri seorang anak angkat. Saya turut bersukacita jika mengetahui bahawa anda dan pasangan anda menerima seorang anak yang tidak dikehendaki menjadi anak anda sendiri, seperti Tuhan menerima kita.

Fikirkanlah apa yang sudah saya kongsikan kepada anda dan anda akan dapati bahawa ia amat bertentangan dengan ide-ide masa kini. Seperti yang sudah saya katakan, sepanjang hidup anda– dalam musim-musim bujang, berpacaran, dan perkahwinan– anda harusmembuat pilihan ide apa yang akan mengatur hidup anda. Bahagian seterusnya akan membantu anda mengetahui bagaimana mencapai fokus yang anda perlukan.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB DUA

Perkahwinan Menuruti Kitab

1. Adakah ide-ide tentang perkahwinan daripada Alkitab masuk akal? Adakah pernikahan yang sebegitu yang menjadi idaman anda?
2. Antara ide-ide itu, manakah yang paling menarik bagi diri anda?
3. Adakah ide-ide lain daripada Alkitab yang anda ingin tambahkan?

BAB TIGA

Hal Terutama Diutamakan

Memang bijak bermula pada permulaannya. Jika anda mahu menjadi seorang bujang yang berjaya dan kemudiannya mempunyai perkahwinan yang berjaya, terdapat satu prinsip yang harus anda pertimbangkan terlebih dahulu. Prinsip itu ialah komitmen yang sepenuhnya.

Roma, bab 12, ayat-ayat satu dan dua, menjelaskan apakah itu komitmen. Mungkin anda sudah banyak kali membacanya, tetapi ambillah masa untuk mempertimbangkannya dari segi berpacaran dan perkahwinan.

> *Saudara-saudaraku! Kerana Allah sangat baik kepada kita, aku menggesa kamu supaya mempersembahkan diri sebagai suatu korban yang hidup, yang khas untuk Allah, dan yang menyenangkan hati-Nya.Demikianlah seharusnya kamu beribadat kepada Allah. (Berita Baik)*

Jangan menurut standad dunia ini, tetapi biarlah Tuhan yang membawakan perubahan dalaman melalui perubahan minda anda. Kemudian anda akan berupaya mengenali kehendak Tuhan, apa yang baik dan yang berkenan kepadanya dan apa yang sempurna.

Tuhan, kerana kasih karunia-Nya, mengutus Anak-Nya untuk menyelamatkan kita daripada dosa dan menjadikan kita umat-Nya. Kita menyambut kasih-Nya dengan menyerahkan diri kita kepada Dia dan tujuan hidup kita ialah mahu berkenan kepada-Nya. Dengan adanya tujuan hidup ini, kita berkeyakinan, kita ada kepastian bahawa Dia akan membantu kita membuat pilihan yang terbaik.

Jadi, komitmen yang sepenuhnya menghasilkan keyakinan dan kepastian yang sepenuhnya pada Tuhan bagi keputusan-keputusan yang akan kita buat di masa hadapan. Adakah anda melihat perbezaannya? Tidak ada komitmen, tidak ada kepastian. Komitmen sepenuhnya, kepastian sepenuh juga. Sebelum kita membuat keputusan siapa yang akan kita kahwini, Tuhan mahu kita membuat keputusan untuk membuat komitmen sepenuh kepada-Nya terlebih dahulu. Kemudian kita akan memilih pasangan hidup dengan bantuan dan pimpinan kebijaksanaan Tuhan.

Komitmen yang berbelah bagi telah menyebabkan kegagalan dalam banyak perkahwinan. Seseorang Kristian yang tidak mempunyai komitmen sepenuhnya, pasti akan membuat beberapa keputusan yang memudaratkan, tetapi seseorang yang benar-benar mahu yang terbaik daripada Tuhan jarang sesal.

Adakah komitmen sepenuh kepada Tuhan bermakna rumahtangga yang bebas daripada masalah? Tentu sekali tidak! Semua perkahwinan penuh cabaran-cabarannya. Tetapi bila kita membuat pilihan dengan baik, dan menghormati Tuhan dalam pilihan kita, kita tahu Dia akan membantu kita mengharungi semua cabaran.

Bagaimana kita membuat komitmen sepenuh ini? Anda hanya perlu memberitahu Tuhan bahawa anda menyerahkan seluruh hidup anda ke dalam tangan-Nya, dan inginkan apa yang terbaik daripada-Nya dalam kehidupan anda.

Cuba fahami kehendak-Nya dengan membaca Alkitab. Anda mungkin tidak menerima jawaban khusus kepada sesuatu soalan yang khas, tetapi ianya akan memperbaharui minda anda. Dengan itu, anda akan menjadi sensitif kepada Roh Kudus untuk mengetahui pimpinan dan tunjuk ajar-Nya dalam pilihan-pilihan yang akan anda ambil.

Ingatlah, Tuhan Bapa paling mengetahui apa yang terbaik! Dia mempunyai rancangan yang lebih baik daripada apa yang akan anda pilih sendiri. Jadi, jika anda sedang berpacaran dengan seorang jejaka yang kacak, atau seorang gadis yang jelita, tetapi anda sedar bahawa hubungan ini tidak betul atau waktunya tidak sesuai, lepaskanlah. Anda akan merasai lukanya untuk sementara waktu, tetapi anda akan mempunyai masa depan yang jauh lebih baik dan cerah.

Dengan ringkas, jika Tuhan mengatakan sesuatu itu tidak baik, percayalah pada-Nya. Dia mengasihi anda. Keinginan yang tulus untuk berkenan kepada Tuhan melindungi kita daripada banyak frustasi dan kelukaan.

Musuh Dalaman

Dunia kita penuh dengan bakteria dan pelbagai virus. Ada yang menyebabkan ketidakselesaan; ada yang membunuh. Kita bersyukur kerana tubuh kita diciptakan dengan begitu ajaib sekali supaya berupaya melawan infeksi melalui sistem imuniti kita. Tetapi jika sistem imuniti kita terjejas, penyerang yang paling kecil sekalipun boleh mengancam nyawa kita. Ada orang yang pernah maut kerana tercucuk jarum.

Anda juga memiliki sistem imuniti rohani. Ianya dikuatkan dengan cara mendengar dan mematuhi kebenaran, dan hidup dalam kasih karunia Tuhan yang memberangsangkan.

Dalam keadaan-keadaan biasa, kasih karunia dan kebenaran akan melindungi kita daripada ide-ide yang memusnahkan. Tetapi, terdapat sikap-sikap yang akan melemahkan pertahanan kita, seperti musuh-musuh yang menyelinap masuk ke dalam kubu untuk memberi jalan masuk kepada tentera penyerang. Antaranya ialah: sikap memberontak, tidak sabar, dan rasa ingin tahu.

Sikap memberontak paling bahaya di antara ketiga-tiga sikap yang dikatakan di atas. Anda akan kenalpasti sikap itu dalam kehidupan anda jika anda berkata, "Saya mahu cara saya, tidak kira apa yang terjadi." Namun, ia biasanya tidak begitu ketara. Malah kadang-kadang, pemberontakan itu kelihatannya tidak salah, tetapi jika anda terus memberi perhatian kepadanya, pertahanan anda akan menjadi lemah. Ia mungkin membunuh anda.

Sikap memberontak menggantikan kehendak Tuhan dengan kehendak anda sendiri. Ia menyebabkan anda menolak kebijaksanaan dan membawa kepada kesesalan. Amsal menyatakannya seperti berikut:

> *Lalu kamu akan berkata, "Mengapakah selama ini aku membenci nasihat? Mengapakah aku tidak mahu ditegur orang? Aku tidak mendengar ajaran guru-guruku. Aku tidak memperhatikan nasihat mereka. Sekarang aku dihina di hadapan orang ramai."* – Amsal 5:12-14, Berita Baik

Saya boleh memperkenalkan anda kepada anak-anak muda yang mengalami keadaan ini. Anda mungkin mengenali orang itu – iaitu yang di depan cermin!

Sikap tidak sabar. Tidak sabar bermakna anda begitu gopoh sehingga lupa menggunakan kebijaksanaan. Kita akan membincangkan hal ini dengan lebih teliti pada bahagian yang lain selepas ini. Buat masa ini, ketahuilah bahawa tidak sabar itu mengakibatkan kesesalan.

Rasa ingin tahu. Kadang-kadang kita cuma mahu tahu bagaimana perasaannya. Bagaimanakah perasaannya jatuh cinta? Apakah perasaannya bila dipeluk, dicium, sentuh menyentuh – melakukan seks? Rasa ingin tahu sebenarnya agak normal. Tetapi bila disertai sikap memberontak dan tidak sabar, ia akan menjerumuskan anda ke dalam bahaya besar, seperti seekor lalat yang tertarik kepada sarang labah-labah. Senang masuk, tetapi amat sukar untuk keluar.

Sikap memberontak, tidak sabar dan rasa ingin tahu. Mana-mana satu daripada tiga ini adalah merbahaya. Tetapi jika digabungkan dua atau ke semuanya sekali, anda menemui resipi kesesalan.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB TIGA

Hal Terutama Diutamakan

1. Pada fikiran anda, adakah komitmen kepada Tuhan isu paling utama dalam hidup?
2. Adakah anda mengenali seseorang yang menjalin hubungan tanpa mendapat pendapat Tuhan? Bagaimanakah hasilnya?
3. Antara ketiga-tiga musuh dalaman, pemberontakan, ketidaksabaran, dan rasa ingin tahu, pada pendapat anda – mana yang paling bahaya?

BAB EMPAT

Musim Berpacaran: Semuanya Penyembahan. Memang benar.

Mungkin anda terkejut dengan judul bahagian ini. “Berpacaran adalah mengenai penyembahan? Bagaimana?” anda bertanya. “Bukankah penyembahan itu apa yang kita lakukan di gereja?”

Memang tidak masuk akal, jika yang dimaksudkan ialah apa yang terjadi di gereja setiap hari minggu. Tetapi penyembahan lebih daripada itu. Penyembahan dinyatakan melalui keseluruhan hidup kita, termasuk semua pilihan dan keputusan kita. Jadi, berpacaran itu memang sebenarnya penyembahan.

Bacalah Roma 12:1, 2 sekali lagi, kali ini menurut apa yang diterjemahkan oleh Eugene Peterson:

> *Jadi, inilah yang saya mahu anda lakukan, dengan bantuan Tuhan: Ambillah kehidupan seharian anda—tidur, makan, pergi ke tempat kerja, berjalan-jalan—dan serahkan kepada Tuhan sebagai penyembahan. Menerima apa yang Tuhan lakukan untuk anda ialah hal terbaik yang boleh anda lakukan untuk-Nya.*
>
> *Jangan begitu serasi dengan budaya anda sehingga anda menyesuaikan diri tanpa berfikir. Sebaliknya, tumpukan perhatian anda kepada Tuhan. Anda akan berubah dari dalam ke luar. Kenalpasti dengan segera apa yang Dia kehendaki daripada kamu, dan bertindakbalas secepat mungkin. Bertentangan dengan budaya di sekeliling anda yang menarik dan menjatuhkan anda ke paras tidak dewasa, Tuhan menghasilkan yang terbaik daripada anda, membangunkan kedewasaan yang sejati dalam diri anda.*

Terjemahan oleh Eugene Peterson benar-benar membantu kita memahami makna sebenar ayat-ayat ini. Kita menyerahkan seluruh hidup kita kepada Tuhan sebagai penyembahan kepada-Nya. Keputusan-keptusan yang kita ambil kelak, tidak lagi berdasarkan kepada arus budaya ketika itu, atau apa yang diutarakan oleh budaya-budaya lain melalui media. Sebaliknya kita membuat pilihan-pilihan kita berlandaskan kebijaksanaan Tuhan. Itu termasuk samada kita akan berpacaran, siapa, bila dan bagaimana.

Patutkah Saya Berpacaran?

Sebelum menjawab soalan di atas, perlu ada taksiran. Apa yang kita maksudkan dengan berpacaran? Untuk perbincangan ini, berikut merupakan taksiran saya:

> *Berpacaran bererti keluar bersama seorang yang berlainan jantina untuk meluangkan masa bersama-sama, dan biasanya dengan niat romantik.*

Terdapat jenis-jenis berpacaran: berpacaran kembar, berpacaran dalam sekumpulan, dan berpacaran sepasangan. Yang diutamakan di sini ialah berpacaran sepasangan, kerana ramai anak-anak muda mempunyai banyak soalan tentang hal ini.

Terdapat berlainan pendapat samada anak-anak muda patut berpacaran. Berikut ialah ringkasannya. Saya akan memberikan pendapat saya sendiri selepas anda membacanya:

- Semua berpacaran adalah jahat! Berpacaran itu dosa! Ianya berlandaskan hawa nafsu! Jangan sekali-kali dilakukan! Kedudukan ini paling jarang ditemui, tetapi mungkin anda pernah mendengarnya. Pada pendapat saya, ianya terlalu ekstrem, terlalu kritikal dan terlalu umum.

- Boleh berpacaran tetapi anda perlu menetapkan batas-batas yang selamat. Menurut pendapat itu, musim berpacaran membantu anda lebih mengenali diri anda dan calon anda. Tetapi harus ada peraturan yang rapi dan umur yang bersesuaian.
- Tunggu sehingga cukup umur untuk mencari pasangan hidup sebelum berpacaran. Jangan berpacaran hanya kerana ingin berpacaran, atau terikut-ikut kerana semua orang melakukannya. Keluar bersama calon merupakan sebahagian musim berpacaran dan bukan hanya aktiviti sosial yang mungkin membawa kepada jalinan emosi yang belum sesuai pada masanya serta percubaan aktiviti fisikal/ seksual.

Jadi, apakah pendapat dan kedudukan saya dalam hal ini? Menurut pendapat saya, pendekatan yang paling selamat, bijak dan menghormati Tuhan ialah membuat pilihan tidak berpacaran sehingga anda bersedia untuk berkahwin. Masih terdapat banyak cara untuk menjalin persahabatan dan mengenali jejaka atau gadis tanpa perlu berpacaran. Jika anda memilih haluan ini, anda akan menumpukan lebih perhatian untuk membina persahabatan dan menetapkan nilai-nilai yang kukuh.

Anda juga akan melindungi diri daripada jatuh ke dalam perangkap-perangkap yang dipasang oleh media. Hampir semua media– samada musik, laman sesawang, televisyen, atau filem-filem– semua media menggalakkan pandangan yang menentang ajaran Alkitab. Banyak sekali kata-kata tentang kasih, cinta, tetapi pemahaman yang cetek tentang apakah sebenarnya kasih dan cinta itu. Inti mesej mereka ialah:

> *Percayai apa yang anda mahu percayai. Lakukan apa yang anda mahu lakukan. Jangan benarkan orang lain menetapkan cara hidup anda.*

Ide ini setua Taman Eden. Ide Tuhan 180 darjah berbeza. “Percayalah pada Tuhan dan serahkanlah seluruh hidup anda kepada-Nya. Lakukan apa yang Dia mahu anda buat. Belajar daripada Dia maka anda akan tahu bagaimana hidup dengan berjaya dan menghormati Tuhan.”

Dengan ringkas, jangan berpacaran sehingga anda bersedia untuk memupuk suatu hubungan yang akan berakhir dengan perkahwinan. Sehingga itu, tumpukan perhatian kepada persahabatan dan pembangunan diri yang sihat.

Bagaimana dengan Berpacaran melalui Laman Sesawang?

Seperti anda, saya juga mendapat menafaat daripada media sosial dan pelbagai aplikasi rangkaian. Tetapi seperti yang anda ketahui, laman sesawang merupakan tempat yang bahaya. Jadi, awasilah hubungan di ruang siber. Tidak ada orang yang lihat anda di sana. Anda boleh mengatakan atau melakukan sesuatu yang pada fikiran anda, tidak akan diketahui orang lain, tetapi ia akan diketahui juga akhirnya.

Seorang gadis Malaysia memberitahu saya bahawa dia menyukai lelaki itu, dan kemudian memutuskan hubungan dengannya. Dia mengutuknya di halaman Facebooknya dan menyusahkan kehidupan gadis ini. Hal seperti ini berlaku setiap masa, dan ianya mungkin terjadi kepada anda juga.

Bagi golongan bujang yang lebih matang, bagaimana dengan laman-laman sesawang yang bertujuan mencarikan jodoh? Bagi setengah keadaan, mereka memang boleh membantu. Tetapi anda mesti pastikan bahawa laman tersebut boleh dipercayai. Namun demikian, jangan bersetuju sahaja tanpa berfikir masak-masak dan mendapatkan nasihat.

Jangan sekali-kali mengambil risiko dalam hal romantik, khasnya di talian, semata-mata kerana anda rasa terdesak. Sebaliknya, gunakan kebijaksanaan dan bincanglah dengan mereka yang benar-benar boleh membantu. Merekalah yang akan membantu anda mengelakkan bahaya yang tidak kelihatan pada pandangan anda.

Jangan sekali-kali mengongsikan maklumat peribadi anda dengan sesiapa di laman sesawang. Terdapat ramai pemburu di merata tempat dan seseorang kenalan yang anda temui di talian mungkin merupakan seorang daripada mereka. Ruangan siber tempat penyembunyian yang terbaik.

Jika anda membuat keputusan mahu menemui seseorang yang anda kenali di talian, pastikan anda bertemu di tempat awam, dan jangan pergi seorang diri. Bawalah seorang kawan. Beritahu seseorang ke mana anda pergi dan siapa yang akan anda jumpa. Pastikan anda membawa telefon bimbit dan rancang bagaimana menyelamatkan diri. Pastikan anda tahu apa yang harus dibuat untuk menyelamatkan diri jika keadaan menjadi buruk

Ambil perhatian: nasihat bagi menemui seseorang hanya untuk mereka yang sudah dewasa, bukan remaja-remaja. Jika anda masih remaja, jangan sekali-kali menemui sesiapa yang anda hanya kenali di talian, di mana-mana sekalipun.

"Patutkah Saya Berpacaran dengan Seseorang yang Bukan Pengikut Yesus?"

(Nota: jika anda bukan pengikut Kristus, bacalah juga bahagian ini. Ia boleh membantu anda memahami mengapa seseorang yang mengikuti Kristus tidak mengahwini seseorang yang beragama lain.)

Saya pernah mendengar soalan ini, banyak kali dalam pelbagai bentuk. Dan biasanya diiringi kenyataan-kenyataan yang lain seperti, "Saya tahu dia bukan seorang Kristian tetapi dia nampaknya agak terbuka kepada Kekristianan."

Bukan kehendak Tuhan bagi seseorang pengikut Yesus berpacaran atau mengahwini seseorang yang tidak mengikuti Yesus. Terdapat banyak sebab. Tetapi seperti yang sudah saya katakan, pokoknya ialah tidak ada keserasian pada tahap paling asas kehidupan: siapa, atau apa yang kita sembah. Itulah isu pokok. Bukan betapa kacak, atau cantik; bukan berapa kaya atau jenis kereta yang dipandunya. Siapa, atau apa, yang dia sembah?

Jika pacar anda menyembah atau mementingkan sesuatu selain daripada Tuhan anda, atau menyembah Tuhan bukan dengan sepenuh hati, lama kelamaan, anda akan terasa tekanan untuk mengabaikan kepercayaan anda dan membuat pilihan-pilihan yang tidak baik atau tidak menghormati Tuhan. Tentu sekali anda tidak mahu berbuat demikian, bukan?

Ingatlah, penyembahan bukan sekadar menghadiri gereja. Penyembahan ialah membuat pilihan untuk menghormati Tuhan dalam semua aspek kehidupan anda, kerana Dia telah membuat pilhan mengutus Yesus untuk mati demi anda. Saya sedar, memang bukan suatu hal yang senang. Tetapi jika itu merupakan tumpuan dan inti hidup anda, Tuhan pasti membantu anda mencapainya. Dan bila tiba masa anda memilih pacar, anda akan memilih seorang yang berkongsi kasih terhadap Tuhan anda.

Umpan, atau Umat Seiman?

Seorang pelajar universiti bertanya: "Jika kita tidak berpacaran dengan orang yang bukan seiman, bukankah mereka akan kecewa dengan sikap kita? Bukankah patut kita berpacaran dengan mereka supaya memenangi mereka bagi Kristus?"

Berpacaran untuk menginjili merupakan suatu konsep mitos dan tidak berdasarkan pada kebenaran. Anda bukanlah umpan yang digunakan oleh Yesus untuk memenangi jiwa bagi-Nya. Sebaliknya anda merupakan saksi yang mempunyai pengalaman peribdai dengan Kristus.

Tambahan lagi, pendekatan yang disarankan oleh pelajar itu tidak akan berjaya. Yang lebih kerap terjadi ialah pihak yang tidak percaya itu mempengaruhi pihak yang percaya sehingga dia berdosa dan berkompromi. Percayalah pada apa yang saya katakan ini.

Hal tentang orang yang mempunyai kepercayaan lain akan merasa kecewa dengan kita, saya rasa mereka akan menghormati pendiriran kita. Malah mungkin merasa kagum. Berikut merupakan suatu contoh daripada kehidupan saya sendiri.

Semasa saya berumur 20'an tahun, saya melalui suatu musim yang mencabar, disebabkan oleh beberapa pilihan buruk yang saya ambil. Saya berhenti pelajaran di kolej dan hampir-hampir dikerah sebagai askar ke Vietnam. Ketika itu saya tinggal di Las Vegas berdekatan dengan kakak perempuan (Jangan diperdaya oleh segala yang terang-benderang dan berkilau. Vegas sebuah tempat yang sunyi.) Pada suatu hari, kakak perempuan berkata, "Mike, kamu kelihatan kesunyian. Keluar dan berseronoklah dengan seseorang gadis. Ambillah wang $50.00 ini."

Terdapat seorang gadis yang saya temui di sebuah bank. Dia nampaknya menarik, jadi saya mengajak dia keluar. "Tentu sekali," dia berkata, "mari kita ke kelab tempat kawan-kawan saya bermain dalam band."

Kami bertemu di sana, tetapi tempat itu teruk sekali dan saya tidak selesa di sana. Akhirnya, di suatu sudut yang lebih senyap saya berkata, "Carrie, ini mungkin tidak akan berjaya. Saya mempercayai Yesus, dan di sini bukan tempat saya." "Wah! Mike," Carrie berkata. "Kalaulah saya mempunyai iman seperti kamu. Saya kagum dengan pendirian kamu." "Kamu boleh memiliki iman seperti ini juga," saya memberitahu dia. "Saya akan doakan kamu."

Jadi, Carrie tidak mengkritik saya. Sebaliknya, dia menghormati kepercayaan saya. Katakanlah dia tidak menghormati kepercayaan saya, saya tetap mengetahui bahawa tempat dan gadis itu tidak bersesuaian dengan saya.

Sebelum meneruskan, saya ingin katakan satu hal lagi. Mungkin anda menggunakan soalan ini untuk mempertahankan hubungan yang anda sedar tidak sesuai dan juga tidak berkenan kepada Tuhan. Perlu ada kejujuran antara anda dengan Tuhan. Jika tidak, Dia tidak dapat membantu anda.

Ya, memang patut berkawan dengan mereka yang belum mengenali Kristus. Tetapi itu tidak bermaksud kita harus berpacaran dengan mereka dan melibatkan diri secara emosi. Beranikah anda berkata anda tidak akan terlibat secara emosi? Lama laun anda akan terlibat, sama seperti umat Israel dengan wanita asing dan berhala mereka yang menakutkan.

Semuanya bermula dengan hanya satu lawatan. Mereka pergi menjenguk apa yang berlaku di kalangan orang yang tinggal berdekatan mereka. Mungkin menghadiri beberapa majlis. "Seronoknya!" fikir mereka.

Tidak berapa lama kemudian, mereka sudah tertawan dan tertarik kepada kumpulan orang ini yang tidak menghormati Tuhan. Bila sudah tertawan, mereka mula bertolak ansur dalam hal komitmen mereka. Bukan suatu keadaan yang manis! Bagi mereka, ini merupakan jalan panjang yang berliku-liku untuk kembali kepada keselamatan dalam Tuhan, dan malangnya ada yang tidak sampai.

Alkitab mempunyai suatu perkataan untuk jenis dosa itu: anggapan atau andaian, atau dosa yang disengajakan. (Mazmur 19:13) Ini bererti, anda tahu ada bahaya yang menanti, tetapi anda masih melangkah masuk, harap-harap semuanya lancar, yang tidak baik itu tak akan terjadi. Biarlah saya berikan takfir saya:

> *Anggapan atau andaian itu bererti meletakkan diri anda dalam keadaan bahaya samada secara rohani, emosi, jasmani atau kewangan, di luar kehendak Tuhan.*

Saya katakan, 'di luar kehendak Tuhan,' kerana ada masanya, walaupun kita dalam bahaya, kita masih dalam kehendak Tuhan.

Dalam Alkitab, Yusuf dalam perkhidmatan Potiphar, dalam kehendak Tuhan, tetapi berada dalam bahaya diperangkap oleh dosa seks. Puan rumah, Puan Potiphar, ingin menjadikan Yusuf mainannya. Akhirnya, dia terpaksa lari untuk menyelamatkan reputasinya. Walaupun dia tidak bersalah, dia dipenjarakan. Dia tidak bertolak ansur dalam hal kepercayaan dan pendiriannya. (Lihat Kejadian 39:6-18)

Berpacaran dengan seseorang yang tidak mempercayai Yesus merupakan bahaya di luar kehendak Tuhan, bukan menurut kehendak Tuhan. Bila anda keluar dengan seseorang yang tidak mempunyai komitmen kepada Kristus, anda melakukan dosa yang dikatakan tadi iaitu anggapan atau andaian. Keluarkanlah diri anda daripada bahaya secepat mungkin. Jika anda bukan dalam bahaya itu sekarang, jangan sekali-kali langkah masuk.

"Anda tidak faham. Saya tahu teman lelaki saya bukan seorang Kristian, tetapi dia baik orangnya. Malah dia lebih bersikap budiman daripada teman lelaki Kristian saya yang lepas." Saya setuju hal itu mungkin benar. Bukan setiap orang Kristian bertindaklaku seperti seorang Kristian, dan ada yang mengatakan mereka menghormati Kristus, tetapi kelakuan mereka tidak selaras dengan apa yang mereka katakan. Dan ada lelaki, tidak kira Kristian atau tidak, memang tidak tahu melayan kaum Hawa dengan baik. Namun demikian, janganlah biarkan hasrat anda menjerumuskan anda ke dalam suatu perhubungan yang mungkin anda sesali kemudiannya.

Secara ringkas: terdapat ketidakserasian antara anda dengan seorang yang bukan umat percaya seiman, dan jurang itu seluas dan sedalam lautan. (Lihat 2 Korintus 6:14-18)

Dalam masyarakat Asia, terdapat satu lagi sebab mengapa jangan mengahwini seseorang yang tidak mempercayai Yesus: keluarga yang lebih luas.

Sally, seorang Kristian, mengahwini Sam, seorang penganut Buddha. Dia mengatakan Sally bebas ke gereja dan mengikuti Tuhan. Kemudian mereka melahirkan seorang anak. Sally meninggalkan anak lelakinya dengan mertuanya bila dia menghadiri seminar sehari di gereja. Dia pulang awal hari itu dan mendapati anak lelakinya memegang colok dan menyembah di depan berhala. Ini adalah kisah benar, dan sering pula diulangi, dalam kehidupan orang-orang Asia.

Bila Alkitab begitu jelas memperkatakan hal ini, kita mesti percaya bahawa Tuhan serius tentang hal ini. Jika Bapa mengatakan, "Jangan buat hal itu!" dia mesti tahu bahawa kita akan berada dalam bahaya jika kita melakukannya.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB EMPAT

Musim Berpacaran: Semuanya Penyembahan. Memang Benar

1. Adakah anda memahami penyembahan sebagaimana yang dihuraikan dalam bab ini?
2. Apakah yang akan menjadi penghalang bagi anda menguji calon yang berminat mahu menjalinkan hubungan dengan anda?

Tentang Berpacaran

3. Mike memberi beberapa panduan berpacaran. Mana satukah yang anda rasa adalah paling penting? Mana yang anda rasa tidak realistik?
4. Adakah anda kenal sesiapa yang terluka akibat hubungan yang terjalin menerusi lama sesawang? Jika ada, apakah yang boleh dilakukan untuk mengelakkan pengalaman buruk tersebut?
5. Setujukah anda bahawa seseorang pengikut Yesus tidak patut berpacaran dengan seseorang yang bukan pengikut Yesus? Adakah anda kenal sesiapa yang telah melakukannya dan menyesal dengan keputusan itu?
6. Apakah yang akan anda katakan kepada rakan anda yang berumur tujuhbelas tahun bila dia memberitahu anda bahawa dia sudah jatuh cinta dengan seseorang jejaka?

BAB LIMA

Menemui Calon yang Betul

Secara peribadi, isteri saya sempurna, yang terbaik! Ibu saya pernah mengatakan kepada saya bahawa sekiranya saya mencari seluruh dunia sekalipun, saya tidak akan menemui isteri yang lebih baik daripada Diane. Bila ibu anda mengatakan itu, anda tahu bahawa anda sudah menemui seorang yang sunguh-sungguh istimewa. Tentu sekali saya bersetuju.

Tetapi, adakah Diane satu-satunya sahaja wanita yang harus saya kahwini? Adakah saya satu-satunya lelaki di dunia ini yang menjadi "pilihan" Diane? Jika ya, apakah yang akan terjadi jika salah seorang daripada kita berdua menolak kehendak Tuhan untuk mengahwini pihak yang satu lagi? Fikiran seperti itu membawa kepada kekeliruan. Pasti ada cara lebih mudah memahami kehendak Tuhan tentang pilihan pasangan yang akan kita kahwini kelak.

Saya tidak bersetuju bahawa hanya terdapat seorang sahaja yang sempurna yang akan kita kahwini. Namun demikian, terdapat masa yang betul dan jenis orang yang betul untuk dikahwini. Biar saya jelaskan.

Sebelum saya menemui Diane, saya pernah mengenali beberapa wanita Kristian yang lain. Saya mungkin boleh mengahwini salah seorang daripada mereka. Dan kami mungkin menjalani kehidupan yang berlainan daripada yang diharungi oleh Diane dan saya sekarang. Tuhan masih akan memberkati kami jika kami benar-benar serius dan berkahwin dengan persetujuan Tuhan. Samada masanya tidak betul, atau kami dapati bahawa kami tidak berpadanan.

Kisah Diane juga seperti kisah saya. Tuhan juga sedang memperbaiki dan memperbaharui kehidupan Diane, mempersiapkan dia untuk lelaki yang bakal dikahwininya. Bila Diane dan saya pertama kali bertemu di universiti, kami berdua tidak bersedia untuk membuat apa-apa komitmen, walaupun kami boleh sahaja tergesa-gesa menjalin perhubungan atas dasar kami tertarik kepada satu sama lain. Selepas setahun, banyak telah terjadi yang mempersiapkan kami untuk mula berfikir tentang menjadi pasangan seumur hidup.

Soalannya ialah, "Pada masa ini, adakah Tuhan mahu saya fikirkan dengan serius tentang pasangan hidup, atau masihkah ada hal-hal lain yang perlu dilakukan dalam diri saya terlebih dahulu?" Jika anda mengambil pilihan yang berkenan kepada Tuhan, anda akan merasa aman damai. Jika masanya betul, anda akan dapati bahawa orang-orang yang amat anda hormati, turut memberi anda sokongan dan galakan untuk mula mencari pasangan hidup.

Siapakah orang yang betul itu? Pendek kata, kahwini orang yang mengasihi Tuhan seperti anda juga mengasihi Tuhan. Janganlah berpendapat bahawa saya bermaksud jika anda

mengasihi Tuhan tetapi tidaklah seberapa, maka anda harus mengahwini orang yang tahap kasihnya terhadap Tuhan juga sama dengan anda. Hal terbaik ialah mengahwini suami atau isteri yang sungguh-sungguh mengasihi dan menghormati Tuhan.

Perangkap Kesempurnaan

Ada setengah orang yang begitu takut tidak mendapat pasangan yang sempurna sehinggakan tidak ada seorangpun yang cukup baik dalam pandangan mereka.

Sikap mahukan kesempurnaan, sebenarnya satu bentuk rasa takut, dan seperti kebanyakan rasa takut, ianya membutakan kita. Kita menjadi begitu peka kepada ketidaksempurnaan orang-orang yang kita temui sehingga kita tidak nampak keistimewaan mereka. Seseorang yang mahukan kesempurnaan sebenarnya seorang yang kesepian, yang hidup dalam putaran frustrasi yang tak berhenti.

Di sini marilah kita tentukan satu hal. Hakikatnya, tidak ada seorangpun yang sempurna. Nafas kita di waktu pagi semuanya berbau; kita semua ada masa-masa murung; kita semua ada melakukan kesalahan dan kesilapan; wajah kita turut terganggu dengan jerawat yang muncul sekali-kala. Kita semua bertumbuh dan berubah. Tidak ada orang yang sempurna di dunia.

Adakah anda sempurna? Tidak? Mahukah anda berkahwin? Ya? Jadi, siapa yang mengahwini anda harus menerima dan mengasihi anda, dengan segala ketidaksempurnaan anda, bukan? Tentu sekali anda juga harus berbuat demikian. Jika tidak, perkahwinan tidak boleh berjalan lancar.

Tuhan mahu anda mengahwini seseorang yang berkenan kepada-Nya dan juga kepada anda, tetapi mencarikan kesempurnaan hanya akan membawa kepada frustrasi. Lebih baik berdoa, “Tuhan, bantu saya mencari suami atau isteri terbaik mungkin dan biarlah saya turut menjadi pasangan yang terbaik bagi dia.”

Bagaimana dengan Tekanan Menanti?

Ada hal yang boleh dibuat secara terburu-buru tetapi bukan perkahwinan. Ramai orang yang terburu-buru mahu berkahwin akhirnya mahu keluar dengan segera daripada perkahwinan itu. Jika anda terburu-buru, anda akan menyukarkan, bukan sahaja kehidupan anda sendiri tetapi juga kehidupan seorang yang lain juga.

Bagaimana anda menangani kekhuatiran dalam penantian ketika sesak jalan? Takut terlambat? Adakah anda tidak menghiraukan lampu isyarat trafik atau anda menunggu juga sampai ia berubah? Di sini di Malaysia, ada setengah orang yang beranggapan lampu merah hanya cadangan supaya berhenti, bukannya perintah. Tetapi jika anda mahu mengelakkan kemalangan, anda akan menunggu sehingga lampu berubah warna menjadi hijau.

Ingatlah, anda bukannya menantikan, atau mencari orang yang sempurna itu. Anda sedang menantikan masa yang betul dan orang yang sesuai atau berpadanan dengan anda. Orang yang menantikan masa dan calon yang betul jarang menyesal.

Berdoa Untuk Pasangan Hidup Anda

Isteri saya berdoa khusus untuk saya, tetapi mungkin bukan menurut apa yang anda bayangkan. Dia berdoa untuk saya jauh sebelum dia menemui saya. Dia berdoa agar Tuhan akan bekerja dalam kehidupan saya, membantu saya memupuk dan membina hidup saya sedemikian cara sehingga berkenan kepada-Nya serta menguatkan saya.

Dia tidak tahu siapa yang akan dia kahwini bila dia mula berdoa untuk calon suaminya. Dia tidak tahu samada saya tinggi atau pendek, berambut lebat atau tidak (Keluhan. Nampaknya tidak berrambut lebat.). Dia berdoa tentang hal-hal yang paling penting bagi dirinya, dan dia berdoa supaya Tuhan akan memberkati suaminya yang masih belum dikenalinya. Bila dia

bertemu dengan saya, dia tahu bahawa doa-doanya sudah terjawab! (Betapa gembira dan seronoknya menjadi jawapan kepada doa seseorang.) Berdoa secara khusus membangun dan menguatkan imannya juga.

Pada pandangan Diane, saya kacak dan pada diri saya, Diane jelita sekali! Janganlah berpendapat bahawa jika anda berdoa mendapatkan putera, anda akan diberi katak atau Tuhan akan memaksa anda mengahwini seseorang yang hodoh rupanya. Tuhan mahu anda mendapat orang yang terbaik mungkin sebagai pasangan hidup anda.

Rupa wajah bukanlah segala-galanya. Kita akan berubah. Kehidupan pasti meninggalkan kesan-kesannya pada tubuh badan kita. Jadi pastikanlah ada ciri-ciri sejati yang menjadi daya tarikan terhadap orang tersebut. Tubuh badan menjadi kebosanan bila kepala dan hati kekosongan.

Bagi diri saya, saya tidaklah begitu khusus seperti Diane. Satu-satunya doa yang saya ingat ialah Tuhan akan melindungi saya daripada membuat kesilapan! Saya kenal diri saya sendiri, dan saya tahu betapa senangnya saya akan jatuh cinta. Sudahpun berkali-kali saya jatuh cinta. (Walau bagaimanapun, saya tidak menggalakkan hal ini.) Jadi, saya berdoa kepada Tuhan agar saya tidak akan terlibat secara emosi dengan sesiapa selain daripada gadis yang akan saya kahwini kelak.

Bila saya bertemu dengan Diane, saya berdoa bersungguh-sungguh! Saya takut saya jatuh cinta lagi sebelum masa yang sesuai. Lama kelamaan, saya sedar bahawa gadis hebat ini dan diri saya amat cocok.

Kami berdua mempunyai dan masih memiliki ketidaksempurnaan namun tidak menjadi masalah besar. Dengan ringkas, kami bersyukur bagi hal-hal yang positif dalam kehidupan kami berdua. Kami benar-benar, seratus-peratus terserah kepada Tuhan dan kasih-Nya, dan dalam kasih-Nyalah kami saling berserah kepada satu sama lain.

Saya lelaki yang bahagia. Saya mempunyai isteri yang bahagia. Kami mengharungi lebih empat puluh tahun kejayaan melalui berbagai cabaran dan keadaan. Kami berdua bersyukur kerana kami telah menantikan masa Tuhan untuk bersama-sama mengambil perjalanan ini bersama-sama. Apa yang sudah dilakukan oleh Tuhan untuk kita, Dia boleh lakukan untuk anda juga.

Bilakah Masa yang Betul?

Anak-anak muda mahu tahu bila mereka patut mula cari teman lelaki atau wanita mereka. Terdapat beberapa faktor.

Ada setengah pasangan mengenali satu sama lain sejak tingkatan satu dan memang kawan baik selama ini. Kemudian, mereka mendapati perkahwinan suatu hal yang boleh mereka terima. Pasangan seperti ini istimewa tetapi jarang terjadi. Kebanyakan daripada kita menemui calon kita kemudiannya.

Secara amnya, janganlah memulakan perhubungan sehingga sudah selesai pengajian. Jika anda mengenali seseorang sebelum itu, jadilah kawan sahaja, jangan lebih daripada itu. Jangan benarkan perhubungan itu mencapai tahap romantik atau khusus sehingga anda menjadi lebih matang. Ide-ide dan identiti anda akan berubah dengan hebat antara tahun-tahun remaja dengan awal tahun-tahun kedewasaan anda.

Berapa Lamakah Harus Kita Berpacaran?

Bertahun-tahun kami berbual-bual dengan pasangan Asia, namun kami masih tertanya-tanya mengapa masa berpacaran pasangan Asia begitu lama. Di Malaysia, lima tahun berpacaran adalah agak biasa. Malah ada yang lebih lama. Namun tidaklah ada sebarang ukuran di serata dunia. Ada pasangan yang berpacaran beberapa bulan; sementara yang lain bertahun-tahun.

Berapa lama anda berpacaran tidak meramalkan kejayaan perkahwinan anda. “Anda boleh menikmati perkahwinan yang bahagia tidak kira berapa lama musim berpacaran,” kata Ted Huston, Ph.D., professor ekologi manusia dan saikologi di Universiti Texas.

Tetapi terdapat beberapa faktor untuk dipertimbangkan. Mula-mula, mengapa begitu lama? Bagi kebanyakan pasangan Asia, biasanya berkaitan dengan wang. Mereka rasa perlu menanti sehingga mereka berupaya menanggung perbelanjaan perkahwinan dan majlis makan. Kemudian, mereka berharap perbelanjaan itu akan dibiayai sebahagiannya daripada pemberian wang hadiah yang diterima daripada para tetamu yang diundang.

Pasangan-pasangan yang lain memberitahu kami bahawa mereka sebenarnya tiada pilihan selain menanti sambil menyimpan wang yang mencukupi terlebih dahulu. Ibu bapa mereka berharap mereka akan mengadakan perkahwinan secara besar-besaran, mengundang semua yang pernah mengundang mereka ke majlis perkahwinan anak-anak mereka.

Yang lain pula menangguh perkahwinan supaya mereka boleh memulakan rumahtangga dengan segala yang mereka inginkan: rumah yang cantik, kereta yang baik, wang dalam bank akaun. Isteri dan saya percaya adalah lebih baik bermula secara sederhana dahulu, dan kemudian bersama-sama membina serta membangunkan rumahtangga anda ke arah tujuan-tujuan yang anda mahu capai dengan cara membuat simpanan dan hidup sederhana. Itu akan membantu pasangan memupuk rasa puas, membina karakter serta kesabaran, ciri-ciri yang amat diperlukan jika anda mahu perkahwinan anda berjaya dan bahagia.

Juga terdapat cabaran mengawal hawa nafsu dan rasa ingin tahu jika berpacaran begitu lama. Sukar untuk diketahui apa yang sebenarnya terjadi di balik pintu yang tertutup, kerana bahaya menanti.

Semakin ramai pasangan sudah aktif secara seksual sebelum berkahwin, dan ini bukanlah satu pola yang sihat. Kajian di Amerika menunjukkan bahawa ramai pasangan Kristian sudah melakukan seks sebelum berkahwin. Anda mungkin juga akan melakukannya, walaupun anda tidak berniat. Banyak janji-janji manis terlantar tak tertunai di sisi kain baju yang tertanggal pada detik-detik gairah yang mengalahkan niat.

Ada setengah pasangan berjaya menangguhkan seks sehingga berkahwin, walaupun terpaksa menunggu lima tahun. Tetapi untuk mencapai itu, anda mesti menentu dan mengekalkan batasan-batasan yang kuat dan jelas. Anda perlu tahu bila anda paling lemah dan bagaimana menolak godaan seks dengan orang yang anda kasihi dan sayangi.

Ingatlah juga bahawa musim berpacaran merupakan masa anda membangun dan menguatkan kawalan diri dan saling mempercayai dalam hal seksual. Anda akan memerlukannya kelak. Kisah berikutnya menjelaskan mengapa.

John dan Karen, kawan-kawan kami, berjaya menangguhkan seks sehingga selepas berkahwin, walaupun tidak mudah. Hawa nafsu kuat dan mereka berusaha menolak dan menahan dan mereka berjaya.

Selepas beberapa tahun berkahwin, John bertanya Karen jika dia pernah khuatir yang John akan berlaku curang.

“Tidak pernah,” Karen dengan tenang berkata. “John, masih ingat ketika kita berpacaran? Ingat lagi tak betapa senangnya jika kita mahu melampaui batasan? Tetapi kamu tidak pernah membenarkan hal itu terjadi. Saya ketahui ketika itu bahawa kamu boleh mengawal diri, dan saya boleh mempercayai kamu. Jika pada masa itu saya boleh percaya kamu, saya pasti saya tetap boleh percaya kamu sekarang.”

Musim berpacaran harus cukup lama untuk merancang dan membuat persediaan tetapi jangan terlalu lama. Satu dua tahun merupakan sasaran yang baik jika bersesuaian bagi anda berdua.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB LIMA

Menemui Calon yang Betul

1. Adakah anda percaya bahawa hanya terdapat seorang sahaja yang betul bagi setiap orang untuk dikahwini? Bolehkah anda mempertahankan pendapat itu berdasarkan Alkitab?
2. Adakah orang lain mengatakan anda seseorang yang mementingkan kesempurnaan? Adakah hal itu benar? Jika ya, bagaimanakah anda boleh menguranginya?
3. Berapakah pentingnya bagi anda mendoakan bakal suami atau isteri anda?
4. Selepas membaca bahagian ini, apakah perasaan anda tentang berpacaran terlalu lama?
5. Apakah yang boleh dilakukan oleh setiap pasangan supaya musim berpacaran itu paling berhasil?

BAB ENAM

Menangguhkan Seks Sehingga Selepas Berkahwin: Suatu Strategi

Ingat lagi pada perbincangan pada permulaan buku ini, tentang pentingnya ide-ide? Saya mengatakan bahawa ide sangat-sangat mempengaruhi pilihan dan tingkahlaku khususnya tingkahlaku seksual kita.

Cepat! Namakan sebuah filem yang menggalakkan penangguhan seks sehingga selepas berkahwin. Bagaimana dengan rancangan televisyen? Lagu? Ramai di antara anda yang tidak terfikir sebuah lagu, rancangan televisyen atau filem yang menggalakkan penangguhan seks sehingga selepas berkahwin.

Tren ini bukanlah baru. Memang dari dulu sudah ada lagu-lagu yang mengejek-ejek hal seks luar nikah. Filem-filem memangpun sudah menonjolkan kandungan bercirikan tarikan dan tekanan hawa nafsu antara lelaki and wanita. Bezanya hari ini, dan juga di masa akan datang, media telah menonjolkan seks di luar nikah sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan malah diinginkan. Tambahan lagi, penggambarannya semakin grafik, lebih ketara. Secara ringkas, anda melihat, membaca dan mendengar lebih lagi daripada generasi sebelum anda. Arus ini tidak akan berpatah balik.

Malah pendidikan anda mungkin menyesatkan anda, khasnya jika anda di kolej atau universiti. Pengarang-pengarang buku teks jarang berpandangan Alkitabiah. Bukan semua pensyarah mempunyai nilai-nilai yang sama dengan anda. Anda mempunyai lebih kebebasan. Dan anda di kelilingi rakan sebaya yang ingin mencuba, walaupun ini bermakna mengabaikan ajaran-ajaran ibu bapa dan pengetua-pengetua mereka. Rakan-rakan sebaya anda mahu anda mengikuti mereka, dan berpendapat sesuatu tidak betul dengan anda jika anda enggan. Zaman ini bukanlah masa yang senang untuk mempraktikkan pengekangan atau penahanan diri daripada melakukan seks di luar nikah.

Semua remaja, termasuk golongan Kristian, bergelut dengan hawa nafsu, dan sering kalah dalam perjuangan itu. Lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang sedang berpacaran. Oleh itu, anda perlu merancang strategi.

Ingatlah: pertama kali hanya terjadi satu kali sahaja. Agak nyata bukan? Anda hanya berpeluang satu kali untuk melakukan atau mengalami sesuatu buat pertama kalinya. Jadi, adakah anda mahu pengalaman intim seks terjadi di luar nikah atau selepas bernikah?

Menurut pandangan seseorang Kristian, seks merupakan luahan suci suatu komitmen, bukan sekadar tindakan fisikal. Oleh kerana pengalaman seks merupakan sesuatu yang suci, Tuhan dalam kebijaksanaanNya melarangnya kecuali diluahkan dalam sesuatu perkahwinan

Seks amat berkuasa, melibatkan keseluruhan seseorang – oleh itu ia memerlukan perjanjian yang paling kuat untuk melindunginya supaya tidak disalahgunakan. Perjanjian itu ialah akad nikah. Dalam perkahwinan ianya selamat; di luar nikah ianya tidak pernah selamat, tidak kira apa yang dikatakan oleh media.

Secara jasmani, kita boleh melakukan seks bermula pada umur sebelas atau dua belas tahun. Tetapi kita tidak berkahwin sehingga kita berumur dua puluhan tahun, malah ada yang lebih tua. Ertinya upaya dan hawa nafsu itu sudah ada lama sebelum kita berhak memuaskan keintiman seks dalam hubungan akad nikad. Bukankah patut kita merancang strategi untuk memastikan kejayaan dan kebahagiaan?

Kawan saya sudah membesarkan sebelas orang anak. Dia memberitahu saya bahawa Tuhan telah membuat kesilapan bila Dia menciptakan manusia dengan hormon yang aktif jauh sebelum kita berkahwin. Kalaulah kawan saya yang mencipta manusia, dia akan tunggu sehingga mereka berumur dua puluh satu tahun baru hormon mereka diaktifkan. Pada hari berikutannya, mereka harus berkahwin! Memang rancangan yang bagus!

Tentu sekali dia bergurau bila mengatakan hal itu. Namun, saya berfikir mungkin ada sebabnya Tuhan menjadikan kita seperti ini. Satu hal saya pasti: oleh kerana kita berupaya dan berhawa nafsu jauh sebelum kita berkahwin, maka kita berpeluang memupuk dan menguatkan kawalan diri.

Hal-hal lain dalam hidup juga begitu. Kita boleh mengakibatkan kesakitan kepada orang lain dengan kekuatan fisikal kita. Tetapi kita tidak mengatakan bahawa kekuatan fisikal itu buruk atau kelemahan itu sesuatu yang baik. Kita belajar mengawal kekuatan kita dan menggunakannya dengan cara yang betul pada masa yang tepat. Keupayaan seks kita juga begitu. Kawalnya atau ia akan memudaratkan.

Pernahkah anda mendengar istilah bahasa Ingeris, 'daredevil'? Istilah ini menghuraikan seseorang yang mengambil risiko besar dan berbahaya. Orang ramai bertepuk-tepuk tangan melihat mereka, malah ada yang membayar harga yang tinggi untuk menyaksikan risiko-risiko yang mereka tayangkan. Persembahan yang hebat, tetapi bukan cara hidup yang bijak.

Dua orang pemandu menghampiri selekoh yang bahaya. Pemandu pertama memandu dengan ganas, membelok selekoh itu dengan deras.

Pemandu kedua pula, perlahankan kelajuan kereta dan memandu seberapa jauh yang boleh dari tepi selekoh. Sekarang, soalan saya kepada anda ialah, siapakah pemandu yang bijak? 'Daredevil' itu, atau pemandu yang cermat? 'Daredevil' itu menyeronokkan kita, tetapi pemandu yang seorang lagi itu ialah pemandu yang lebih baik.

Mengapa ambil risiko sebegini? Mengapa membahayakan diri dengan menempatkan diri terlalu dekat dengan batasan-batasan seksual? Mengapa tambah tekanan kepada emosi dan kehendak yang mungkin memudaratkan anda? Anda tidak berdaya tahan lagi, dan tanpa

disedari anda sudah terjerat dalam pengalaman-pengalaman yang sudah anda ikrarkan tidak akan buat sehingga selepas berkahwin.

Anda mesti membuat keputusan bagaimana mahu bertindak sebelum peluang itu muncul. Ini bererti anda menentukan tatakelakuan yang tidak akan anda langgar. Ia bermaksud memastikan anda berada di tempat terang. Ia bermakna menentukan batasan-batasan yang akan anda hormati dalam perhubungan anda. Ia bererti jangan memandang tinggi keupayaan anda berdepan dengan godaan dan tekanan seks khasnya ketika daya tahan anda lemah.

Pada suatu ketika Lebuhraya Karak di Malaysia terkenal dengan jumlah kemalangan yang tinggi. Terdapat banyak selekoh, dan ada yang curam menurun bukit. Mengapa begitu ramai pemandu kemalangan di selekoh-selokoh tajam itu? Mereka memandu terlalu cepat; mereka menganggap mereka cukup mahir memandu atau terlalu mempercayai kebolehan kereta mereka; mereka mabuk; terdapat kawasan-kawasan yang licin; mereka tidak menumpukan perhatian.

Itulah bahaya-bahaya yang sama yang boleh mengakibatkan kemalangan seksual. Pasangan terlalu gopoh. Mereka menganggap mereka boleh bertahan. Mereka mabuk dengan hawa nafsu. Mereka berada di kawasan licin yang merbahaya. Mereka tidak menumpukan perhatian.

Ingatlah, apa yang anda lakukan dengan seseorang sebelum berkahwin, anda tidak akan dapat lakukannya buat pertama kali dengan orang yang anda kahwini kelak. Memang berbaloi menunggu, jadi jangan cuai dan berwaspadalah.

Jika anda memerlukan garis panduan yang khusus, cubalah senarai yang berikut:

- Bayangkan garis putus-putus di sekeliling leher anda. Sekarang bayangkan garis putus-putus di belakang pinggang anda. Bertekad anda tidak akan menyentuh mana-mana bahagian tubuh pacar di bawah garisan-garisan tersebut.
- Bertekad tubuh anda akan tetap menegak dan jangan sekali-kali berbaring. Itu bererti duduk tegak, bukan berbaring. Dengan cara ini, banyak hal yang dapat dielakkan.
- Jangan sekali-kali tinggal bersama sebilik atau serumah bila tidak ada orang lain bersama. Ini termasuk pergi melancong bersama-sama. Jika anda berdua bersendirian, pastikan ada rancangan supaya salah seorang boleh menghentikan aktiviti yang mungkin melampaui batas dan terus tinggalkan tempat itu.
- Awasi keadaan-keadaan yang merbahaya, contohnya ketika anda berdua merasa letih, atau anda berjauhan buat suatu jangka masa yang panjang.
- Berhati-hati anda tidak menggunakan seks sebagai ganti sesuatu hubungan yang seharusnya diputuskan atau ditamatkan.

Secara ringkas, buatlah persetujuan apa yang akan dan tidak akan kamu berdua lakukan, dan bantulah satu sama lain supaya kekal dalam batasan tersebut. Jangan biarkannya terpulang kepada peluang sahaja. Ada orang mengatakan, gagal untuk merancang sama halnya dengan merancang untuk gagal.

Tinggal Bersama: Komitmen dan Keintiman Palsu

Tinggal bersama sebelum berkahwin sudah semakin menjadi suatu kebiasaan, khasnya di Amerika. Pendapat ini mengatakan pasangan boleh mengadakan hubungan seperti sudah berumahtangga tanpa komitmen perjanjian yang mengikat dalam akad nikah. Kononnya, ia membantu anda lebih mengenali calon anda, maka anda bolehlah membuat keputusan samada mahu mengahwininya atau tidak. Itu hanya kepandaian manusia (kononnya) tetapi ia bukannya kebenaran.

Glenn Stanton, dalam bukunya, Cincin Yang Membezakannya: Akibat-akibat Tersembunyi Tinggal Bersama Sebelum Berkahwin dan Kebaikan-kebaikan Perkahwinan, memberikan bukti-bukti kuat daripada kajian-kajian sains tingkahlaku. Bukti-bukti itu jelas menunjukkan bahawa tinggal bersama sebelum berkahwin mempunyai sedikit kebaikan tetapi banyak kekurangan dan akibat.

Pertimbangkan kenyataan-kenyataan berikut daripada buku Stanton yang mewakili hanya sebahagian kecil kajian terhadap psangan yang tinggal bersama sebelum berkahwin.

Terhadap mutu komitmen:

> *"Ahli-ahli sains mendapati tinggal bersama sebelum berkahwin menjejas komitmen. Mesej yang dibawakan oleh cara hidup ini ialah, 'Saya cuma mahu sebahagian daripada dirimu. Nanti, mungkin saya mahu keseluruhan dirimu.' Patutlah begitu ramai pasangan yang hidup bersama sebelum berkahwin berakhir dengan hubungan yang terputus atau pola hidup yang tidak sihat. Hubungan itu tertakluk kepada batas-batas komitmen yang bukan menyeluruh atau seratus peratus."*

> *"Orang, khasnya kaum lelaki, yang tinggal bersama teman wanitanya sebelum berkahwin didapati kurang berkomitmen kepada hubungan tersebut serta juga hubungan di masa depan. Sekali lagi, ini bukanlah kata-kata seorang pengkkhotbah atau orang bermoral tinggi, tetapi dibuktikan oleh sains – kenyataan saintifik. Lelaki yang terlebih dahulu sudah tinggal bersama teman wanita mereka sebelum berkahwin didapati kurang berkomitmen kepada perkahwinan berbanding dengan lelaki yang tidak berbuat demikian."*

Tentang komunikasi:

> *"Sebenarnya, data mengatakan cara hidup ini (iaitu tinggal bersama sebelum berkahwin) melatih pasangan berlawan dalam cara yang tidak sihat. Oleh kerana mereka tidak mempunyai komitmen atau keyakinan, pasangan yang tinggal bersama sebelum berkahwin lebih cenderung memanipulasi hubungan serta emosi masing-masing. Salah satu pihak mungkin tidak terfikir untuk meninggalkan pihak yang satu lagi, tetapi pihak lain itu mungkin merasa boleh tinggalkan hubungan itu. Jadi, interaksi mereka berlainan: cara mereka berunding, cara merekan meminta sesuatu daripada satu sama lain akan berbeza."*

Setengah pasangan bertanya samada mereka boleh tinggal serumah, asalkan mereka tidak melakukan hal-hal yang melampaui batasan seks. Dalam pendapat saya, itu bukanlah satu cadangan yang baik. Tinggal bersama serumah akan membuka lebih peluang yang menggoda anda melampaui batasan seks. Lebih baik tinggal berlainan tempat dan cari jalan lain untuk menyimpan wang dan mengurangkan perbelanjaan.

Sebagai ringkasan, tinggal bersama sebelum berkahwin, atas sebarang sebab, bukanlah sesuatu yang baik untuk diri anda mahupun hubungan anda.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB ENAM

Menangguhkan Seks Sehingga Selepas Berkahwin: Suatu Strategi

1. "Semua kaum muda, termasuk golongan Kristian, bergumul dengan hawa nafsu seks." Bagaimana perasaan anda terhadap kenyataan di atas? Benar atau palsu? Pertimbangkan petikan daripada bab enam sebelum menjawab soalan berikutnya: "Menurut pandangan seseorang Kristian, seks merupakan luahan suci suatu komitmen, bukan sekadar tindakan fisikal. Oleh kerana pengalaman seks merupakan sesuatu yang suci, Tuhan dalam kebijaksanaanNya melarangnya kecuali diluahkan dalam sesuatu perkahwinan."
2. Bagaimanakah ide ini berbeza daripada ide yang umum dalam budaya anda dan di kalangan kawan-kawan anda?
3. Bagaimana dengan kepercayaan anda sendiri? Sejauh manakah ia selari dengan kenyataan bahawa seks merupakan luahan suci suatu komitmen?
4. Jika semua pilihan mempunyai hasil atau akibatnya, apakah akibat-akibat melibatkan diri dalam aktiviti seks di luar nikah (selain daripada kehamilan yang tidak diinginkan)?
5. "Anda mesti membuat keputusan bagaimana anda akan bertindak sebelum peluang untuk melakukannya tiba."
6. Apakah keputusan-keputusan yang sudah anda buat tentang penglibatan seks sebelum bernikah? Apakah usaha-usaha atau strategi anda untuk memastikan anda menepati janji-janji itu?
7. Pada pendapat anda, dalam budaya anda, adakah semakin ramai pasangan yang tinggal bersama sebelum bernikah? Mengapakah agaknya hal ini berlaku?

BAB TUJUH

Ibu dan Bapa: Mereka Penting

Kenny main piano dengan kumpulan sembah dan pujian di gerejanya. Marie main biola dalm kumpulan yang sama. Mereka bertemu, berkenalan, berpacaran, bertunang dan berkahwin.

Ketika berpacaran, Kenny melakukan sesuatu yang amat bijak. Dia meminta ibu dan bapanya memberitahu sebarang kebimbangan mereka tentang mana-mana aspek perhubungan itu, pada bila-bila masa. Ibubapanya memang ada kebimbangan mereka, tetapi tidaklah sebegitu serius sehingga mereka harus menasihati anaknya supaya memutuskan hubungan. Hari ini, mereka sudah berkahwin dan mereka bahagia.

Ibubapa anda mungkin lebih mengenali anda daripada sesiapapun. Sebab itulah pendapat mereka tentang siapa yang anda kahwini adalah penting. Ia akan melindungi anda daripada membuat kesilapan yang akan disesali kelak.

Memilih siapa yang akan anda kahwini tidak sama dengan memilih sepasang kasut. Jika kasut itu tidak sesuai dan membuat kaki anda sakit, anda boleh buangkan dan beli yang baru. Malah memilih kerjaya anda, walaupun serius, masih boleh ditukar. Jika orang yang anda kahwini

tidak serasi, lebih sukar dan lebih pedih hidup menanggung akibat-akibat pilihan tersebut. Sebab itulah amat penting mempertimbangkan pendapat ibu bapa anda.

Menghormati Ibubapa atau Dikawal oleh Ibubapa?

Gwen, gadis Asia, mahu mengahwini Jeff. Mereka berdua mengasihi Yesus dan cuba mematuhi pimpinanNya. Mereka aktif di gereja dan dihormati oleh para pendeta gereja mereka. Kedua-duanya berusaha menghormati Tuhan dalam segala keputusan yang mereka buat. Tentu sekali, mereka mempunayi isu-isu mereka, seperti semua pasangan yang lain.

Jeff bukanlah teruk sangat. Tetapi bapa Gwen, yang juga seorang Kristian, benci Jeff. Betul, dia benci pada dia. Dia langsung tidak mahu memberkati atau memberi izin kepada perkahwinan itu. Dia berjanji akan memulau (boikot) majlis perkahwinan dan melarang ahli-ahli keluarga yang lain daripada menghadiri. Kebenciannya merebak seperti racun dan mempengaruhi ahli-ahli keluarga yang lain.

Kebencian bapa Gwen terhadap Jeff berdasarkan andaian-andaian palsu. Tetapi tidak ada sesiapa yang dapat mengubah pendapatnya walaupun ada yang mencuba. Jeff juga cuba berbincang dengan bapa Gwen, tetapi sebaliknya dilemparkan dengan lebih hinaan dan ancaman.

Gwen dan Jeff mahu menghormati bapanya, tetapi bagaimanakah harus mereka lakukannya bila bapa bersikap tidak bertimbangrasa dan tidak munasabah?

Soalannya ialah: bilakah penghormatan bertukar menjadi kawalan? Seperti mana yang anda semua ketahui, masyarakat Asia amat memandang tinggi nilai-nilai taat dan menghormati ibu bapa. Di negara China anda boleh dihukum denda malah penjara jika anda mengabaikan ibu bapa. Singapura pula mungkin mempertimbangkan hukuman yang sedemikian.

Umat Kristian juga amat mementingkan nilai menghormati ibu bapa. Ini ter termaktub dalam Sepuluh Perintah Allah, yang diturunkan kepada Musa. Malah ia diikuti dengan janji panjang umur:

> *Hormatilah bapa dan ibu kamu, supaya kamu panjang umur di tanah yang akan Aku berikan kepada kamu. – Keluaran 20:12, Berita Baik*

Sebagai Kristian, kita tidak boleh memandang ringan hal ini. Tetapi adakah masa-masanya di mana kita mesti menolak untuk melakukan apa yang dikehendaki oleh ibu bapa kita? Keadaan-keadaan seperti itu jarang terjadi, tetapi memang berlaku.

Tentu sekali kita tidak boleh mematuhi ibu bapa kita jika mereka menyuruh kita melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Alkitab. Kita juga tidak mempunyai kewajiban mentaati mereka jika tindakan itu mengakibatkan kesudahan yang lebih negatif dalam kehidupan seseorang yang lain.

Tetapi bagaimana dengan keadaan seperti Gwen dan Jeff? Bapa Gwen mengatakan jika dia mengahwini Jeff mereka sebenarnya secara langsung tidak mematuhi Tuhan, dan tidak ada berkat dalam perkahwinan mereka kerana, dia sebagai bapa tidak memberikan berkatnya. Adakah itu benar? Adakah lelaki yang tidak munasabah ini berkuasa menahan berkat Tuhan?

Berikut pendapat saya. Oleh sebab bapa Gwen tidak rasional dalam kebenciannya terhadap Jeff, Gwen dan Jeff masih boleh berkahwin dengan penuh keyakinan bahawa Tuhan akan memberkati perkahwinan mereka. Ya, mereka pasti berdepan cabaran. Mereka mungkin terpaksa mengadakan upacara perkahwinan di tempat lain kerana gereja mereka tidak akan menjalankan upacara itu jika ibubapa tidak menyetujui (memang prinsip yang bijak, pada kebiasaannya). Ibu bapa Gwen mungkin memulaukan majlis tersebut. Mereka mungkin terpaksa berdepan dengan tekanan-tekanan daripada keluarga masing-masing. Dan bapa

Gwen mungkin terus menganggu mereka. Berkat Tuhan tidak bererti segala akibat negatif daripada keputusan yang kita ambil itu akan dihapuskan.

Begitulah keadaan Gwen dan Jeff. Tetapi jika anda berada dalam keadaan yang sama, apakah yang akan anda lakukan? Kami pernah berbual-bual dengan beberapa pasangan di Asia yang menghadapi keadaan sebegini. Ada yang menanti, tidak kira berapa lama, supaya ibu bapa mereka memberkati atau sekurang-kurangnya memberi izin. Salah satu pasangan telah menunggu selama sembilan tahun!

Ada pula yang membuat keputusan bahawa tidak berbaloi menghadapi semua dugaan dan tekanan tersebut walaupun perkahwinan mereka mungkin bahagia. Jadi, mereka memutuskan hubungan dengan satu sama lain. Ada yang meneruskan sahaja rancangan mereka untuk berkahwin. Lama kelamaan, ibu bapa mereka semakin menerima keputusan mereka.

Apa sekalipun keputusan yang anda ambil, berikut merupakan beberapa isu penting untuk diingati:

- Kekalkan sikap yang betul. Walaupun, dalam keadaan yang terpaksa, anda mengambil keputusan yang bertentangan dengan keinginan ibu bapa anda, lakukanlah dengan penuh hormat.
- Pastikan saluran-saluran komunikasi terbuka. Roma 12:18 meberitahu kita, “Dengan sedaya upaya, berusahalah untuk hidup damai dengan semua orang.”
- Jangan terburu-buru. Tunggu. Tunjukkan kepada ibu bapa anda bahawa anda bertindak secara bertanggungjawab, bukannya tergopoh-gapah.
- Cuba fahami perasaan ibu bapa anda. Ianya akan menjaga dan melindungi hati anda daripada menjadi keras.
- Akhir sekali, dapatkan nasihat yang baik dan bijak daripada pengetua-pengetua rohani anda.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB TUJUH

Ibu dan Bapa: Mereka Penting

1. Berapa pentingkah pendapat-pendapat ibu bapa anda? Adakah anda akan mengambil risiko mengahwini seseorang yang tidak dipersetujui oleh mereka?
2. Apakah yang boleh anda lakukan untuk menunjukkan kepada ibu bapa anda bahawa anda bertanggungjawab?

BAB LAPAN

Bagaimana Membuat Pilihan yang Berkekalan Seumur Hidup

Kita telah berbincang tentang beberapa isu penting yang mesti dihadapi oleh kaum muda. Sekarang sudah tiba masanya untuk memikirkan dengan lebih panjang lebar bagaimana sebenarnya memilih pasangan hidup anda.

Memilih orang yang bakal anda kahwini – sememangnya merupakan suatu pilihan. Benar, lelaki dan wanita dilanda perasaan romantik bila jatuh cinta. Tetapi di bawah semua emosi dan keseronokan, anda masih membuat suatu keputusan.

Yang lain merasa Tuhan telah memimpin mereka kepada seseorang yang tertentu. Memang hal ini berlaku, tetapi bukan kepada semua orang. Dan bila ianya terjadi, anda perlu menggunakan kebijaksanaan yang diberikan oleh Tuhan kepada anda supaya menguji ide itu.

Bahagian ini akan membantu anda membuat keputusan yang bijak, bukannya keputusan yang berasaskan emosi sahaja.

Pilihseorang yang gembira, bukanseorang yang bergantung kepada anda untuk menggembirakan dia.

Statistik menunjukkan bahawa mereka yang tahu bergembira semasa bujang mempunyai peluang yang lebih baik untuk bergembira bila mereka berkahwin nanti. Hal yang bertentangan juga benar. Seseorang yang tidak gembira, murung, bila berkahwin, memikirkan bahawa perkahwinan akan memberi mereka kegembiraan yang mereka idamkan, biasanya akan merasa keciwa.

Kegembiraan, ialah sebahagian rasa puas, sebahagian rasa yakin, dan disertai dengan rasa syukur. Orang yang gembira bebas daripada sikap menyalahkan orang lain. Dalam hal yang paling kecil dan sederhana pun, mereka boleh bergembira. Mereka tidak berpendapat bahawa mereka perlu atau harus diberi layanan khusus. Sebarang kebaikan ,bagaimana kecil sekalipun membawakan kesukaan kepada mereka.

Kegembiraan bukannya dapat dilihat secara luaran. Ada setengah orang yang diam dan serius juga merupakan orang yang gembira dan berpuashati. Begitu juga, ada yang selalu tertawa untuk menyembunyikan kedukaan mereka. Kegembiraan itu lebih kepada suatu sikap daripada expresiluaran.

Ada di antara kita yang hidup bertahun-tahun dengan sifat mementingkan diri sendiri, memahitkan kita. Tetapi orang yang paling pahit sekali pun boleh berubah menjadi manis bila hadirat Yesus yang menyegarkan memenuhi hidup mereka. Bila kita hidup menyertai Yesus, kita belajar tabiat-tabiat bersukacita.

Pilih seseorang yang jujur dan ikhlas tentang dirinya dan orang lain.

Segala jenis ketidakjujuran adalah merbahaya. Bohong secara langsung senang dikenalpasti. Adakah calon yang bakal anda kahwini memberitahu anda tentang masa lampau, atau halo rang lain yang anda ketahui adalah tidak benar? Jika orang itu berbohong tentang orang lain dan masa lampau, bagaimana anda boleh mempercayainya dengan masa depan anda?

Penipuan diri sendiri merupakan satu lagi jenis ketidakjujuran yang merbahaya. Orang yang berbohong kepada diri sendiri cuba menutupi kelemahan dan keperluannya sendiri. Dirinya yang sebenar mungkin berselindung di sebalik toping. Tetapi orang yang anda kahwini ialah orang yang sebenar itu dan bukannya toping.

Pilih seseorang yang rajin bekerja.

Kemalasan merupakan suatu tanda amaran! Menurut Alkitab, semut lebih bijak daripada seseorang yang malas. Semutpun tahu bahawa hanya dengan kerajinan akan menghasilkan kejayaan. Tetapi orang yang malas sentiasa mencari-cari jalan pintas. Juga, seseorang yang malas mungkin sentiasa menyalahkan anda atas kegagalannya dalam perkahwinan kelak. (Lihat Amsal 6:6-11)

Kemalasan adalah tanda amaran, demikian juga dengan seseorang yang terlalu keras bekerja. Berhati-hati mengahwini seseorang yang asyik bekerja – seseorang yang lebih mementingkan kejayaan kerjaya dan kewangan daripada Tuhan atau anda.

Rumahtangga Tan hampir maut. Puan Tan ingin menghidupkannya walaupun Encik Tan pernah berlaku curang. Encik Tan hanya mahukan wang. Bagi dirinya, cukup itu tidak pernah cukup. Wang baginya begitu penting sehingga dia sanggup menggadai perkahwinannya untuk mencapainya.

Dalam suatu survey pasangan Amerika yang mewah, di mana kedua-dua suami isteri bekerja, hanya 14% mengakui bahawa hubungan orang perseorangan lebih penting daripada kewangan. Memang statistik yang mengejut dan menakutkan! Survei itu juga menunjukkan bahawa lebih daripada 80% pasangan-pasangan ini tidak bahagia, walaupun mereka memiliki segala harta, kedudukan dan status yang boleh dibeli dengan wang.

Jangan biarkan hal sebegini terjadi kepada anda. Pilih seseorang yang mementingkan hubungan dan mengekalkannya, bukan seorang yang tidak akan menghiraukannya. Jika wang kekayaan menguasai anda, mohonlah Tuhan mengubah anda sebelum cintakan wang itu memusnahkan diri anda.

Pilih seseorang yang membuat anda merasa selesa.

Bagaimanakah perasaan anda setelah anda meluangkan masa bersama orang yang anda minati? Adakah anda merasa diri anda seperti pelakon di atas pentas? Adakah anda merasa lega bila pertunjukan itu selesai dan akhirnya anda boleh kembali menjadi diri anda sendiri?

Jika anda perlu berlakon ketika berpacaran, kemungkinannya anda harus terus berlakon dalam perkahwinan anda. Tetapi lama kelamaan anda akan merasa letih. Anda akan menjadi keciwa kerana sudah mengahwini seseorang yang jatuh cinta pada suatu imej, bukan dengan diri anda.

Seorang kawan kami mewarnai rambutnya perang dan suaminya menyukainya. Masalahnya sekarang ialah dia tidak boleh kembali kepada warna rambutnya yang asal. Dia harus terus mewarnainya sehinggalah dia meninggal kelak! Pastikan anda boleh menjadi diri anda yang sebenar dan orang yang bakal anda kahwini juga menunjukkan dirinya yang sebenar.

Pilih seseorang yang tidak mengharapkan anda akan berkompromi dengan nilai-nilai kepercayaan anda.

Jika orang yang anda minati memberi tekanan supaya anda berkompromi dalam hal-hal kepercayaan dan moral anda, itu sememangnya suatu tanda amaran. Hubungan yang sihar dibina atas kepercayaan bersama yang kuat.

Boleh anda mempunyai pendapat-pendapat yang berlainan? Tentu sekali. Tetapi pegangan kepada kepastian apa yang anda percayai merupakan batu asas kepercayaan, kukuh dan terbukti di atas Firman Allah. Sama ada anda berdiri atau sujud berdoa mungkin tidaklah begitu penting tetapi berbeza sekali sama ada anda bersetuju tentang kebenaran Allah dan kesetiaan anda kepadaNya melalui Kritus.

Pilih seseorang yang akan menonjolkan yang terbaik dalam diri anda.

Adakah anda seorang yang lebih baik disebabkan oleh perhubungan anda dengan jejaka atau gadis itu? Adakah dia menggalakkan anda bertumbuh maju? Adakah anda disegarkan dan lebih bersemangat bila anda bersama? Atau anda terasa diseret ke bawah? Adakah dia menjadikan anda kelihatan lebih kecil, lebih lemah supaya dia menjadi watak yang lebih kuat? Seperti lagu, Wind Beneath My Wings yang mengatakan, agak sunyi berdiri di sebalik bayangan seseorang.

Pilih seseorang yang anda hormati, bukan seseorang yang anda kasihani.

Jangan anda mengahwini sesuatu projek. Saya pernah menasihati seorang wanita yang tengah mengalami keretakan dalam perkahwinannya disebabkan oleh suaminya yang tidak bertanggungjawab. Dia tidak menjaga perniagaan, dirinya sendiri mahupun isterinya ini. Oleh sebab saya ingin tahu, saya bertanya kenapa dia mengahwininya. Katanya, dia merasa dia boleh mengubah dia dan menjadikan dia lebih baik. Wanita ini telah mengahwini suatu projek, bukan pasangan hidup. Projek ini tidak akan siap, sekurang-kurangnya bukan melalui usaha wanita ini.

Untuk membantu anda memahami bagaimanakah rupanya hormat itu, saya menggunakan ejaan hormat (ditambah satu abjad "T") sebagai singkatan sifat-sifat seseorang yang dihormati.

H – Boleh di**Harap** – seseorang yang boleh diharapkan, setia, jujur

O – Orang yang beretika – seseorang yang tahu apakah yang baik, dan melakukannya, tidak kira

R – Rela diajar – seseorang yang boleh diajar dan hasilnya dia menambahkan ilmu dan kebijaksanaan

M – Mampu menanti, sabar – seseorang yang menunggu, dan tidak bertindak atas setiap gerak hati

A – Amalan berjimat Cermat – seseorang yang tahu bagaimana menguruskan wang

T – Timbang rasa – seseorang yang bukan mementingkan diri sendiri, tetapi yang bertimbangrasa terhadap orang lain dan terbukti dengan tindaklaknya dan sikapnya

T – Teruji – seseorang yang pernah menghadapi cabaran dan hasilnya dia menjadi orang yang lebih baik

Anda tidak akan menemui kesempurnaan, tetapi jika anda menjumpai kelemahan yang serius dalam mana-mana kualiti di atas, maka berwaspadalah. Anda harus pertimbangkan agar memupuk dan membina sifat dan sikap tersebut dalam kehidupan anda sendiri.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB LAPAN

Bagaimana Membuat Pilihan yang Berkekalan Seumur Hidup

1. Fikir kembali dan perhatikan setiap sifat seseorang yang mungkin anda kahwini. Nilaikan betapa pentingnya setiap sifat tersebut itu bagi diri anda.
2. Adakah anda, dengan bantuan Tuhan, memupuk dan membangunkan sifat-sifat tersebut dalam hidup anda sendiri? Apakah kekuatan-kekuatan anda? Apa yang kurang dibangunkan? Mahukah anda membuat keputusan dan bertekad menguat dan membangunkan aspek-aspek tersebut? Tuhan pasti akan menolong anda.

BAB SEMBILAN

Sikap-sikap yang Berbahaya

Terdapat beberapa sikap yang begitu berbahaya yang perlu dihadapinya dengan serius dan anda mungkin perlu memutuskan hubungan tersebut. Pertimbangkan dengan jujur hal-hal berikut. Kemudian tanya diri anda sendiri sama ada terjumpa mana-mana sikap itu dalam diri orang yang bakal anda kahwini.

Sikap Pemilikan (Posesif) dan Cemburu

> *Cemburu itu ikatan yang mengikat, dan mengikat, dan mengikat - Helen Rowland*

Setengah orang mempunyai luka-luka emosi yang serius. Mereka hidup dalam ketidakpastian yang menyebabkan mereka takut kehilangan. Jadi mereka menjadi posesif, cemburu dan suka mengawal atau menguasai orang lain. Mereka sentiasa memeriksa keadaan anda. Mereka menjadi gelisah dan takut bila anda berbual dengan orang lain. Mereka mungkin mengancam akan melakukan sesuatu terhadap diri anda ataupun diri mereka sendiri. Singkatnya, cemburu dan sikap pemilikan menjadikan hubungan itu satu penjara.

Jika cemburu dan sikap pemilikan merupakan suatu masalah bagi diri anda atau dia, dapatkanlah bantuan sebelum anda melangkah lebih jauh dalam hubungan itu. Ingatlah bahawa akar umbinya ialah rasa takut, jadi kenalpasti rasa takut itu dan imbangi dengan kebenaran.

Sikap Mendera

Sikap mendera bererti seseorang itu mengancam akan melukai atau benar-benar melukai dengan tujuan mahu mengawal diri anda. Luka dan kesakitan yang dikenakan mungkin daripada kata-kata hina, tuduhan, kritikan dan ancaman. Ia juga mungkin dalam bentuk tindakan, seperti tidak mahu bercakap dengan anda selama beberapa hari, untuk menghukum anda.

Dalm bentuk paling ganas, deraan itu menjadi fisikal. Biasanya mereka yang mendera secara fisikal menyalahkan mangsa-mangsa mereka: “Lihat apa yang kamu paksa aku lakukan? Kalau kamu buat seperti yang aku mau, aku tak payah gunakan kekerasan untuk melukai kamu.” Teruk, bukan? Ya, memang menakutkan.

Namun ramai orang, khasnya kaum wanita yang kekal dalam hubungan seperti itu kerana tidak mahu ditinggalkan, tidak mahu merasa keseorangan. Ini merupakan tindakan yang merugikan kerana anda tidak akan berjaya menyenangkan seorang pendera. Tidak kira berapa banyak yang anda lakukan, pendera boleh, dan pada akhirnya akan melukai anda. Sebab masalahnya bukan anda. Di dalam diri mereka tersemat perasaan marah dan penolakan, dan sehingga mereka menangani isu-isu itu, mereka tetap bersikap mendera.

Kebergantungan Emosi

Dalam suatu komik Zits, pelukis melukis satu pasangan muda sebagai kembar. Mereka tidak pernah muncul seorang diri. Malah nama mereka sekalipun disambungkan. Mereka bukan Rich dan Amy tetapi mereka RichdanAmy.

Komik comel ini mengenai remaja-remaja yang mabuk cinta, tetapi juga merupakan suatu tanda bahaya yang mungkin terjadi dalam hubungan sebenar. Lelaki dan wanita itu menjadi begitu bergantung pada satu sama lain sehingga mereka kehilangan kebebasan peribadi masing-masing. Mereka tidak boleh berinteraksi dengan kawan-kawan lain dan rakan-rakan sekerja secara normal dan sihat kerana hubungan mereka berdua terlalu menyekat.

Pasangan-pasangan yang sihat memiliki kemesraan yang rapat dan sihat tetapi jika hubungan anda terlalu mengurung dan menyekat, itu merupakan tanda bahaya.

Kesetiaan yang Tidak Jelas

Bagi kaum lelaki yang amat terikat kepada ibu mereka, hal ini menjadi satu masalah sehingga mereka tidak bebas secara emosi untuk mengasihi isteri mereka dengan sepenuhnya. Ramai lelaki Asia bergumul dengan isu ini. Sebenarnya, ibu mereka turut bersalah. Berikut ialah hubungan ibu/ anak lelaki yang sihat: lelaki itu menghormati ibunya dengan kasih sayang dan kesetiaan. Ibunya melepaskan anak lelakinya supaya menjadi seorang suami yang setia dan yang memberi perhatian kepada isterinya. Jika tidak, maka tidak adil kepada wanita yang dikahwininya. Tetapi jika ibu dan anak lelaki melakukan apa yang saya huraikan tadi, lebih mudah bagi anak dan isterinya membangunkan hubungan yang sihat dengan ibunya.

Ketidakupayaan Membuat Komitmen

Ashley dan Kevin sudahpun berkenalan beberapa tahun sebelum Ashley datang berjumpa kami. Dia merasa bimbang kerana Kevin tidak mahu membuat komitmen terhadap perkahwinan. Saya bersama isteri memberitahu dia bahawa dia harus mendapatkan keputusan daripada Kevin, secara tegas tetapi bertimbangrasa. “Tetapi bersedialah untuk menghadapi apa sekali,” kami menasihati Ashley. “Dia mungkin tidak akan membuat komitmen, baik kepada anda mahupun sesiapa yang lain.”

Ashley berbincang dengan Kevin minggu itu. “Kevin, kita berdua sudahpun bersama selama tiga tahun. Saya perlu tahu sama ada kamu mempunyai rancangan mahu mengahwini saya atau tidak. Jika ya, kita perlu merancang. Jika tidak, saya mahu memutuskan hubungan.”

Adakah kedengaran kata-kata itu keterlaluan? Tidak. Hanya dengan cara itu sahaja Ashley boleh menyedarkan lelaki itu.

Tentu sekali anda mahu tahu apakah jawabannya, bukan? Dia memberitahu gadis yang baik dan berupaya ini bahawa dia tidak berniat mengahwininya, dan bahawa dia hanya mahukan persahabatan dan rangsangan seksual.

Ashley datang ke rumah kami, hatinya retak, airmata berlinangan. “Betapa bodohnya saya! Bagaimana mungkin saya menyerahkan begitu banyak kepada seseorang yang hanya ingin mempergunakan saya?”

Diane memeluknya. Kami berdua mendorong dan berdoa untuknya, memberi dia keyakinan bahawa Tuhan mempunyai rencananya yang jauh lebih baik.

Memang benar. Tidak lama selepas putusnya hubungan itu, salah seorang pemuda gereja kami yang terkenal baik, pulang bercuti selepas setahun di Universiti Oxford. Mereka bertemu, berkenalan, berkahwin, dan masih bersama sehingga hari ini. Kehidupan dan perkahwinan mereka menjadi satu kesaksian tentang kebaikan Tuhan terhadap ramai orang.

Dan lelaki itu, Kevin? Kali terakhir saya nampak dia bersama seorang wanita lain di sebuah apartmen gelap. Tidak ada komitmen. Tiada perkahwinan. Hanya seks dan apa sahaja yang datang mengiring. Betapa kosong hidupnya.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB SEMBILAN

Sikap-sikap yang Berbahaya

1. Mungkinkah begitu terikat emosi kita dengan seseorang sehinggakan kita buta kepada sikap-sikap yang berbahaya yang dibincangkan oleh Mike dalam bab ini?
2. Jika kawan anda mempercayai anda dengan maklumat bahawa dia sedang menjalin hubungan dengan seseorang yang menampakkan beberapa sikap-sikap yang berbahaya ini, apakah nasihat anda kepada dia?

BAB SEPULUH

Kata-kata Khas untuk Lelaki dan Wanita

"Diane, apakah ertinya menjadi seorang wanita?" "Mike, siapakah lelaki? Bagaimana saya mencapainya."

Soalan-soalan itu, daripada orang-orang yang kita kenali, mencerminkan kepentingan bahagian ini bagi muda-mudi yang membaca buku ini. Seperti begitu banyak aspek kehidupan, identiti jantina nampaknya terbuka kepada penaksiran baru dan kekeliruan. Jadi, memandangkan hal ini, berikut adalah beberapa pendapat, mula-mula bagi pemuda, dan kemudian bagi pemudi. Dan gadis-gadis sekalian, sila baca apa yang saya tulis kepada para pemuda. Ia mungkin membantu menjelaskan lagi siapakah seorang lelaki yang baik.

Untuk Lelaki

Di sini terdapat tugas bagi anda. Sudah sedia? Namakan tiga perkataan pertama yang muncul di minda anda sebaik saya mengatakan, "Siapakah lelaki?" Sedia? Jawab.

Sesudah selesai menjawab, lihatlah jawapan-jawapan anda. Adakah yang menghuraikan karakter? Jika ada, maka anda menuju haluan yang betul. Jika tidak, anda tersasar.

Salah satu misi Yesus ke bumi ialah untuk membantu kaum lelaki memahami maksud sebenar menjadi seorang lelaki. Yesus lelaki sejati, dan Dia benar-benar berlainan. Lelaki lain melentur otot-otot mereka dan mengarakkan gelaran-gelaran mereka. Yesus melayani. Lelaki lain cuba menarik perhatian orang lain atau memaksa mereka mengakui kebesaran mereka. Yesus mengajar kebenaran dan melakukan mukjizat dengan keikhlasan yang mutlak. Dan Dia mati untuk kita semua.

Yesus memilih orang untuk mengikuti-Nya dan mempelajari daripada-Nya. Dan betapa hebatnya perjalanan yang menanti mereka yang mengikuti. Yesus mencabar segalanya, ya semuanya dicabar, mereka memahami apakah itu hidup. Hari ini, Yesus tetap melakukan hal yang sama.

Mungkin anda bertanya apakah kaitannya itu dengan berpacaran dan perkahwinan. Saya akan memberitahu anda. Wanita sejati mencari lelaki sejati. Mereka bukannya mencari-cari makhluk yang anda lihat dalam iklan-iklan atau jejaka yang dilihat dalam majalah-majalah.

Mereka juga tidak mahu anak kesayangan ibu. Seorang wanita mengatakan dia lebih sanggup makan lipas daripada mengahwini anak lelaki kesayangan ibunya. Saya rasa dia benar-benar akan melakukannya! Lipas akan menyebabkan dia sakit sekali sahaja, tetapi anak lelaki kesayangan ibu akan menyakitinya setiap hari.

Wanita Asia hari ini bukan mencari lelaki yang akan mempergunakan mereka, tetapi mereka mahu seorang lelaki yang akan melindungi mereka. Mereka tidak mahu dimiliki, tetapi

mereka mahu dihargai. Wanita-wanita ini mahu seorang lelaki yang akan mendengar keluh kesah mereka tanpa menganggap mereka bodoh atau perlu diperbaiki.

Berita baik! Tuhan Yesus Kristus menjadikan lelaki suami yang hebat. Bukan agama. Bukan kehadiran di gereja. Bukan dengan meletakkan perkataan "Kristian" pada kad pengenalan anda. Hubungan dengan Yesus akan menjadikan anda lelaki yang bakal menjadi suami yang baik, dan pada suatu hari kelak, bapa yang pengasih dan boleh diharapkan.

Apakah yang menjadikan seseorang lelaki itu, lelaki sejati? Biar saya berikan anda tiga patah perkataan untuk dipertimbangkan: lelaki sejati merupakan seorang yang rela belajar, seorang yang pengasih dan seorang pemimpin.

Lelaki sejati belajar. Belajar, dalam konteks ini, bukan mengenai sekolah dan peperiksaan. Sebaliknya ia berkaitan dengan hidup dengan berjaya. Pembelajaran sebegini menjadikan anda bijak, bukan sekadar pandai. Percayalah kaum Adam, anda amat memerlukan kebijaksanaan. Wanita yang bakal anda kahwini akan menerima menafaat dan begitu juga dengan anak-anak anda kelak.

Inilah yang dikatakan oleh Raja Salomo kepada putera-puteranya:

> *Hendaklah kamu bijak dan cerdas. Jangan lupakan ataupun abaikan nasihatku. Jangan tinggalkan hikmat, maka hikmat akan melindungi kamu; cintailah hikmat, maka hikmat akan menjaga kamu agar kamu selamat. Perkara yang paling mustahak yang harus kamu usahakan adalah mendapat hikmat. Apa pun yang kamu kejar, yang terutama adalah mendapat pengertian. Cintailah hikmat, maka kamu akan ditinggikannya. Peluklah hikmat, maka kamu akan dimuliakannya. Hikmat akan menjadi mahkota kemegahanmu.*
>
> *- Amsal 4:5-9, Berita Baik*

Bila seseorang lelaki menghargai kebijaksanaan, wanita yang dikahwininya akan mempercayainya dengan lebih senang. Berikut sebabnya.

Buku Amsal memperkatakan tentang tiga jenis orang: yang naif, yang bodoh, dan yang bijak.

Yang naïf memerlukan kebijaksanaan. Oleh kerana mereka kekurangan pengalaman, mereka memerlukan seseorang yang akan memberitahu mereka tentang apa yang benar-benar penting, bagaimana mencapainya, dan apa yang harus dielakkan. Naif itu bukanlah dosa, tetapi ianya bermakna anda perlu matang, sedar dan bangkit. Pihak wanita tidak mahu menyerahkan hidup mereka kepada seseorang lelaki yang hidup sambil lewa saja. Lelaki-lelaki yang naïf mungkin comel, tetapi anda tidak boleh mengharapkan mereka.

Yang bijak, pastinya sudah memperolehi kebijaksanaan. Mereka belajar daripada mereka yang bijak dan berjaya, tetapi mereka juga belajar daripada pengalaman. Menjadi bijak merupakan usaha seumur hidup. Menurut pendapat saya, kebijaksanaan bukanlah tujuan yang hendak dicapai; ianya merupakan suatu perjalanan. Anda juga berkemungkinan tersasar daripada jalan itu dan mengikuti jalan-jalan yang lain, sehingga anda sesat dalam begitu banyak ide-ide palsu.

Perkara paling teruk ialah anda menjadi orang bodoh. Orang yang bodoh menolak kebijaksanaan. Ya! Mereka melihat kebijaksanaan, mereka mendengar kebijaksanaan, dan mereka menolak kebijaksanaan. Jadi, jangan jadi orang bodoh! Bagaimana mengelakkan diri daripada menjadi orang bodoh? Jadilah orang yang boleh diajar. Dahagakan kebijaksanaan. Buatlah seperti yang diperintahkan oleh Raja Salomo kepada putera-puteranya.

Anda tidak akan memiliki segala kebijaksanaan yang anda perlukan pada hari anda berkahwin. Tetapi jika anda memutuskan bahawa kebijaksanaan menjadi tujuan anda, anda akan bergerak ke arah itu. Ingat: setiap orang wanita patut mengahwini seorang suami yang bijak. Jadilah calon yang bijak. Mulakan sekarang. Dan jangan sekali-kali berhenti.

Lelaki sejati merupakan seorang pengasih. Jika ada sepatah perkataan yang sering dikelirukan, inilah perkataannya, kekasih/ pengasih. Dalam kegunaan yang biasa, seseorang kekasih ialah orang yang anda jalinkan hubungan seks, tetapi mungkin bukan suami atau isteri. Betapa berbezanya dengan pengertian sebenar.

Alkitab adalah mengenai kasih. Berikut ialah salah satu ayat yang amat saya gemari tentang topik ini:

> *Dengan jalan ini kita mengetahui cara mengasihi orang lain: Kristus sudah menyerahkan hidup-Nya untuk kita. Oleh itu kita harus menyerahkan hidup kita untuk saudara-saudara kita!*
>
> *– 1 Yohanes 3:16, Berita Baik*

Kristus begitu mengasihi kita sehingga Dia sanggup melakukan apa yang hanya boleh dicapai oleh-Nya: Dia mengorbankan nyawa-Nya untuk kita. Hanya itulah yang boleh menolong kita. Jadi, kasih sentiasa mencari jalan untuk menolong.

Anda mungkin tidak perlu mati untuk gadis yang anda kahwini, tetapi anda akan berhadapan dengan ribuan peluang untuk mengenepikan hak anda sendiri, membantu kerja rumah, memberi dia perhatian, atau sekadar hadir bersamanya bila dia memerlukan sandaran yang kuat. Kekasih sejati membantu.

Orang-orang yang pengasih tidak mempergunakan orang lain. Mereka melayani orang. Orang-orang yang pengasih tidak mengizinkan hawa nafsu mereka memusnahkan teman wanita masing-masing dalam saat-saat keghairahan. Mereka yang pengasih akan melakukan apa yang patut dan apa yang membantu.

Jika anda bermula sekarang juga, hidup sebagai pengasih sejati, anda akan menjadi lelaki yang boleh dipercayai sepenuhnya oleh seseorang wanita.

Lelaki sejati merupakan seorang pemimpin. Kepimpinan tidak banyak kaitannya dengan personaliti atau kedudukan.Kepimpinan merupakan pengaruh yang suci murni dan positif.Kedai-kedai buku penuh dengan judul-judul kepimpinan, tetapi janganlah kita merumitkannya lagi.Berikut beberapa pendapat untuk anda pertimbangkan:

- Pemimpin yang sejati tidak membuli. Mereka mempengaruhi. Mereka melindungi. Mereka membangunkan orang-orang yang mereka pimpin.
- Pemimpin yang sejati lebih menitikberatkan orang yang mereka pimpin daripada kuasa yang mereka miliki.
- Pemimpin yang sejati memikirkan tentang tindakan dan keputusan mereka, sentiasa mempertimbangkan keselamatan mereka yang dipimpinnya.
- Pemimpin yang sejati menjadi pemimpin yang bertambah baik melalui pengalaman mereka.
- Pemimpin yang sejati tidak menipu demi mendapatkan kelebihan bagi dir mereka sendiri. Mereka orang yang jujur.

Masih terdapat satu hal yang saya ingin bincangkan dengan anda. Biarlah saya bertanya: bagaimana anda melayani pihak wanita di gereja, persekutuan Kristian, di sekolah atau di tempat kerja anda? Pernahkah anda membuat kenyataan berunsur sekds tentant mereka

kepada lelaki lain? Pernahkah anda berangan-angan tentang mereka dalam aspek seksual? Adakah anda mengusik atau mengejek mereka? Semua tindakan yang disebutkan di atas bukanlah tindakan seorang lelaki sejati. Berikut merupakan ajaran Alkitab bagaimana bertindak selaku lelaki sejati:

> *Perlakukanlah … wanita tua seperti ibu. Dengan hati yang tulus, hendaklah engkau memperlakukan wanita muda seperti adik.*
>
> *– 1 Timotius 5:2, Berita Baik*

Mula melayani wanita dengan baik sekarang, dan anda akan menjadi lelaki yang benar-benar dihormati oleh pihak wanita.

Kata-kata Khusus untuk Pihak Wanita/ Kaum Hawa (Pemuda-pemuda, anda boleh turut baca.)

Gadis-gadis hari ini dikelilingi dengan berbagai pendapat tentang siapa diri mereka dan siapa yang akan mempengaruhi mereka. Dalam zaman anda, malah sebelum ini, feminism berusaha memberi takrifan baru tentang siapakan wanita itu.

Ada suara-suara feminis yang dipenuhi dengan rasa pahit. Kadang-kadang terasa mereka sebenarnya benci menjadi seorang wanita. Sikap-sikap mereka disamakan dengan petikan terkenal daripada Irene Dunn: "Seorang wanita memerlukan seorang lelaki seperti seekor ikan memerlukan basikal." Suara-suara feminis yang lain lebih sederhana, tetapi jarang yang membantu kaum wanita memupuk imej yang sihat, dan saleh. Namun Yesus telah melakukannya.

Bila anda baca kisah-kisah Injil, anda akan melihat bagaimana Yesus melayani kaum wanita dengan bertimbang rasa dan hormat yang tidak pernah dialami pada zaman itu. Tidak kira bagaimana budaya melayani wanita, siapakah dia dan apakah yang sudah dilakukan oleh kaum wanita, Yesus melayani setiap orang wanita dengan penuh hormat.

Semua lelaki yang baik akan melayani wanita dengan hormat. Mereka menilaikan mereka menurut nilai-nilai yang diberikan oleh Tuhan. Mereka tidak mempergunakan atau mendera kaum wanita. Hasilnya, wanita yang mereka kasihi, menjadi wanita yang lebih baik kerana kasih. Carilah ciri ini dalam lelaki yang ingin anda kahwini.

Ketaatan: bukan perkataan yang menakutkan

Setengah wanita berpendapat ketaatan sebagai perkataan yang menakutkan, bersamaan dengan perhambaan. Tidak, sekali-kali tidak. Alkitab memang mengajar supaya wanita harus taat kepada suami masing-masing. (Efesus 5:22) Tetapi janganlah takut. Setelah anda memahaminya, kemungkinan besar anda mahu membangunkan sikap ini dalam diri anda.

Mungkin wanita Asia mempunyai rasa-rasa takut tertentu terhadap ketaatan kerana contoh-contoh negatif yang pernah mereka lihat atau alami. Ajaran kuno Konfucius sebenarnya menetapkan tiga penyerahan atau ketaatan yang harus diterima oleh seseorang wanita: bapa, sebelum berkahwin; suami, selepas berkahwin; anak lelaki sulung, jika sudah menjadi janda. Sistem itu melindungi wanita daripada disalahlayani atau didera dan memberi keselamatan kepada mereka, hanya jika lelaki itu orang yang baik.

Masalahnya timbul bila lelaki menyalahgunakan kedudukannya, mementingkan diri sendiri, kasar, dan tidak mengasihi. Itu membawa kepada banyak kisah perit disebabkan oleh suami yang mendera, tidak sensitif dan lelaki yang kuat mengawal. Disebabkan kejahatan sering diulangi dengan lebih kerap daripada kebaikan, maka gambaran seseorang suami juga semakin buruk, seperti patung wira yang diliputi kekotoran kecemaran bandar.

Gadis-gadis dan puan-puan, benarkan saya mengatakan sesuatu yang baik tentang lelaki. Ramai di antara kaum lelaki, mungkin kebanyakan di antara kami, tidak ingin mendominasi isteri-isteri kami. Mungkin, secara semulajadi kami tidak tahu bagaimana mengasihi seseorang wanita, tetapi kami mahu belajar. Untuk mencapai itu, kami memerlukan kepercayaan anda. Izinkan kami memimpin dan tolonglah bersabar dengan kami.

Memahami Ketaatan

Untuk memahami ketaatan, marilah kita lihat lawannya, kedegilan. Orang yang degil berkeras dengan cara mereka. Mereka sanggup mengorbankan hubungan jika perlu untuk mencapai apa yang mereka mahu. Mereka tidak mahu berganjak daripada pendirian masing-masing. Akhirnya, mereka menimbulkan banyak tekanan dan kemarahan.

Orang yang taat, juga dapat berubah menyesuaikan diri. Ini menghasilkan hubungan yang tenteram. Tetapi orang yang taat bukanlah untuk diinjak. Mereka mempunyai pendapat dan keinginan mereka sendiri, tetapi dinyatakan dalam cara yang lembut dan berharmoni.

Jadi, ketaatan melindungi kita daripada membuat keputusan yang mungkin memudaratkan hubungan kita. Dan ini adalah suatu hal yang baik.

Bila anda mahu mengahwini seseorang jejaka, tanyalah diri anda sendiri samada anda cukup mempercayai penilaiannya, ciri-ciri serta karakternya untuk mengizinkan dia memimpin keluarga anda. Setiap saat yang anda luangkan untuk memikirkan hal ini pasti berbaloi.

Nilai Sebenar Seseorang Wanita

Jenny membesar di dalam sebuah keluarga di mana teman lelaki ibunya mendera dia secara seksual. Berulang-ulang kali. Bertahun-tahun. Kemudian, sebagai seorang gadis muda, seorang lagi lelaki menderanya - seseorang lelaki yang sepatutnya boleh dipercayai.

Penderaan memutarbelitkan pemikiran kita, walaupun bukan dalam cara yang sama setiap kali. Dalam kes Jenny, penderaan itu mengakibatkan dia berpendapat dirinya tidak bernilai. Ia juga menyebabkan dia berperasaan bahawa tidak ada lelaki yang akan mengasihi dia kecuali dia mengadakan hubungan seks dengan lelaki tersebut. Dia tidak lagi tahu nilai dirinya.

Ibu bapa Michelle inginkan seorang anak lelaki, tetapi sebaliknya mereka mendapat Michelle. Mereka merancang menamakan bayi mereka Michael jika bayi lelaki. Sebab itulah timbul nama Michelle. Nama ini sempurna sekali, tetapi bagi ibu bapanya, ia menjadi peringatan bahawa dia bukanlah bayi lelaki yang diinginkan.

Ibu bapanya tidak pernah menghargainya sebagai anak gadis, jadi dia membesar dengan berperasaan bahawa wanita tidak bernilai. Mudah sekali bagi dia mengahwini seorang lelaki yang mengawal dan mengkritik dia kerana dia berpendapat dia tidak berhak mendapat suami yang lebih baik. Senang baginya untuk mengahwini seorang lelaki yang mengawal dan mengkritiknya kerana dia berpendapat bahawa dia tidak layak menerima yang lebih baik.

Gadis-gadis sekalian, Tuhan memiliki kuasa dan kasih untuk membebaskan anda daripada deraan dan akibat perasaan yang mengatakan anda tidak bernilai. Seperti yang diberitahu oleh seorang gadis, “Tuhan Bapa mempunyai kasih yang berkuasa dan menyembuhkan.” Jika anda pernah didera, sebelum anda memulakan sebarang perhubungan, dapatkan kaunseling daripada seseorang yang boleh dipercayai yang akan membantu anda memahami Tuhan dan kasihNya untuk anda.

Ketahuilah nilai anda yang sebenarnya dan jangan berpacaran atau mengahwini sesiapa yang tidak melayani anda sebagaimana yang sepatutnya, calon pasangan yang khusus baginya.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB SEPULUH

Kata-kata khusus untuk Lelaki dan Wanita

Untuk Lelaki

1. Berapa pentingkah bagi anda menjadi lelaki yang akan dipercayai oleh seseorang wanita? Adakah cukup penting bagi anda memohon Tuhan supaya mengubah anda?
2. Apakah yang sedang anda lakukan sekarang ini untuk memupuk sifat-sifat yang diingini oleh seseorang wanita dalam bakal suaminya? (Tujuan menanyakan soalan ini ialah untuk menekankan bahawa latihan dan amalam akan menghasilkan kemahiran.)

Untuk Wanita

1. Adakah anda menganggap diri anda seorang feminis? Jika ya, bagaimanakah hal ini mempengaruhi perkahwinan?
2. Bagaimanakah hubungan anda dengan ayah anda? Adakah dia seseorang yang anda sanjungi, dan adakah anda tahu bahawa dia mengasihi anda?
3. Apakah sifat ayah anda yang anda mahu temui dalam bakal suami anda? Bagaimana pula dengan sifat yang tidak dimiliki oleh ayah anda –sifat-sifat apakah yang anda harap dapat ditemui dalam diri bakal suami anda?

BAB SEBELAS

Putuskan Hubungan: Mungkin Hal Terbaik

Mungkin sudah sebulan, enam bulan, dua tahun, atau lebih lama. Tidak kira berapa singkat atau lama, anda sedar anda perlu lepaskan hubungan itu. Kita katakan 'putus hubungan'. Istilah yang baik, bukan? Pasangan itu putuskan hubungan, tidak kira bagaimana dan mengapa ianya terjadi, kedua-dua lelaki dan perempuan mengalami luka yang mendalam.

Memutuskan hubungan bukan mudah, tetapi kadang-kadang terpaksa. Lebih baik daripada meneruskan semata-mata kerana sudah begitu lama terjalin hubungan itu. Banyak pasangan melakukannya. Mereka teruskan hanya kerana mereka sudah bersama. Mungkin juga, kerana mereka takut bersendirian.

Tambahan lagi, kehidupan mereka sudah terikat dalam berbagai aspek: kawan-kawan yang sama, pelayanan di gereja, kumpulan sel, sebagai contoh. Mereka diakui sebagai pasangan, jadi sukar memikirkan bagaimana orang akan memperlihatkan mereka sebagai individu. Kehidupan mereka turut saling terikat di laman Facebook dan Twitter. Dalam setengah keadaan, khasnya mereka yang sudah bersama buat masa yang lama, mereka mungkin berkongsi akaun bank atau pelaburan. Ada yang sudah tingal bersama.

Meneruskan hubungan walaupun anda sedar bahawa anda harus lepaskannya hanya akan meningkatkan lagi tekanan dan ketidaktenteraman. Semakin meningkatnya tekanan, terdapat sesetengah pasangan yang mempergunakan seks untuk megekalkan perhubungan tersebut. Seringkali, salah seorang berpaut kepada hubungan itu dan berharap-harap sesuatu akan berubah supaya ianya dapat dikekalkan. Sementara menanti tercapainya impian itu, masa berlalu - bulan berganti bulan dan tahun berganti tahun.

Marilah kita andaikan anda sudah membaca keseluruhan buku ini. Sambil membaca, anda merasa semakin ragu-ragu dengan hubungan anda hari ini. Mungkin masanya tidak sesuai. Mungkin anda sedar calon pasangan anda itu tidak sesuai. Apa sekalipun sebabnya, anda sedar bahawa ianya tidak adil kepada pasangan anda. Jadi, sudah tiba masanya untuk memutuskan hubungan. Bagaimanakah harus dilakukan?

Ingatlah bahawa tindakan memutuskan sesuatu hubungan merupakan keputusan yang harus dibuat oleh seseorang. Ianya tidak akan terjadi dengan begitu sahaja. Namun hal-hal yang disenaraikan berikut akan membantu anda mencapai keputusan itu dan juga menolong anda mengelakkan beberapa bahaya yang mungkin menimpa.

Pastikan Hubungan diputuskan dengan Sebersih-bersihnya

Anda tidak mungkin memadamkan masa yang sudah dihabiskan bersama-sama, tetapi anda boleh membantu dengan memulangkan sebarang hadiah bermakna yang diberikan kepada satu sama lain. Jika anda tidak dapat memulangkan, berikanlah benda-benda itu kepada orang lain. Jika itupun tidak dapat dilakukan, simpan pada tempat yang selamat dan tinggalkan sahaja di situ.

Jangan lagi memeluk patung beruang, atau memakai kemeja dengan nama masing-masing tercatat di atasnya, sambil menangis atau mendengar lagu-lagu sedih. Air mata pasti akan berlinangan pada minggu-minggu pertama, tetapi luka dan sakit itu lama kelamaan akan berkurangan juga jika anda berhenti melayaninya.

Tumpukan pada apa yang Tuhan mahu anda pelajari daripada hubungan ini dan juga daripada putusnya hubungan ini

Tuhan kita Penebus. Dia menebus kita dengan mengutus Yesus yang telah mati menggantikan kita. Dan Dia juga menebus pengalaman-pengalaman kita. Kami mengenali anak-anak muda, yang tidak jauh bezanya daripada anda sekalian, yang menemui harta yang mengejutkan tentang Tuhan selepas mereka putus hubungan dengan pasangan masing-masing. Ada di antara mereka yang mendapati bahawa itulah detik paling penting dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam kehidupan mereka.

Walaupun bukan suatu kebiasaan, terdapat beberapa di antara mereka yang kekal menjadi kawan baik malah menghadiri majlis perkhawinan satu sama lain dan turut mengongsi kebahagiaan masing-masing. Mereka yang matang, walaupun putus hubungan, tidak selalunya merasa kekok bila bertemu ataupun dipenuhi perasaan tertekan yang berpanjangan.

Awasi tiga musuh ini: kasihankan diri sendiri, kebencian dan kebohongan

Selepas berbual-bual dengan kami tentang perhubungannya serta beberapa kebimbangan, Joanne membuat keputusan untuk mengakhiri hubungan tersebut. Itu merupakan pilihan yang betul. Tetapi selepas dia melakukannya, dia mengharungi ribut emosi yang kuat. Pada masa-masa tertentu, dia begitu marah kerana teman lelakinya telah mensia-siakan berbulan-bulan kehidupannya. Pada masa yang lain, dia dipenuhi perasaan kasihankan diri sendiri. “Mengapa saya tidak bahagia? Gadis-gadis lain dapat menemui jejaka yang baik,” dia fikir.

Selepas itu, datang pula kebohongan- fikiran-fikiran yang datang entah dari mana, berbisik-bisik dalam mindanya. “Kamu tak akan jumpa jejaka yang baik.” “Tak ada orang yang mahukan kamu.” “Patutnya kamu beri dia lebih masa lagi untuk berubah.” Semua itu adalah bohong, walaupun terasa agak benar.

Joanne terpaksa memerangi kebohongan itu dengan kebenaran. Sebenarnya selama ini perhubungan mereka amat mencabar sedangkan sepatutnya mereka sudahpun mula merancang untuk menjejak masuk alam perkahwinan untuk memulakan bab-bab baru dalam kehidupan bersama. Dia tidak dapat menghalang fikiran-fikiran itu memasuki mindanya,

tetapi apa yang dia buat dengan fikiran-fikiran tersebut terpulang kepada dirinya. Dia boleh melayani fikiran-fikiran negatif itu dan bermurung, atau memandang ke depan dan mempercayai Tuhan dengan masa depannya. Memang suatu pergumulan, tetapi dia menang. Anda juga boleh mengatasinya!

Berhati-hati bagaimana anda menangani kekosongan selepas hubungan diputuskan.

Memutuskan atau mengakhiri sesuatu hubungan meninggalkan kekosongan dalam hati anda. Kita tidak suka kekosongan. Jadi bahayanya besar bila kita cuba mengisi kekosongan itu. Anda mungkin melompat ke dalam suatu hubungan yang lain kerana anda mengidam perasaan kekitaan atau kepunyaan. Biasanya, kebanyakan masa itu merupakan kesilapan, dan hubungan yang terhasil demikian, seringkali tidak kekal.

Cara terbaik mengisi kekosongan itu ialah hidup dengan melaburkan diri ke dalam tujuan dan rencana Tuhan. Berikut terdapat beberapa cadangan:

- Cari orang yang boleh anda bantu.
- Sertai kumpulan kajian Alkitab.
- Mungkin luangkan masa dengan beberapa orang kawan setia anda yang dulunya yang lalaikan kerana teman lelaki atau wanita anda.
- Gunakan masa ini untuk membina dan menguatkan persahabatan baru
- Gunakan masa ini untuk memperbaiki diri sendiri. Belajar kemahiran baru, bahasa baru, ubah kegiatan harian anda, sertai kelas menari, belajar untuk hidup sekali lagi.

Semua itu merupakan amalan-amalan yang boleh dikekalkan dan membentuk asas kukuh bagi anda membina semula kebergantungan anda terhadap Kristus. Anda masih akan menghadapi saat-saat kesunyian, tetapi undanglah Tuhan menyertai anda dalam keadaan tersebut. Banyak yang dapat diajar-Nya dalam musim kemarau ini.

Anda pasti akan merindui pasangan anda buat seketika. Selepas empat tahun, Jen sedar bahawa Ron tidak serius mahu mengahwininya. Walaupun Ron setia dan amat mengasihinya, dia tidak faham mengapa perlu membuat komitmen rasmi melalui perkahwinan. Pendapat mereka yang berbeza terhadap perkahwinan akhirnya memaksa mereka berpisah.

Ketika perpisahan itu, mereka berdua kesakitan dan merindui satu sama lain. Tetapi mereka mengekalkan jurang itu. Ron mula mencari Tuhan dengan lebih serius dan membenarkan Roh Kudus menjamah hati dan fikirannya. Didapati bahawa jauh tersemat di hatinya suatu ketidaksenangan untuk berkahwin. Jika tidak diselesaikan, masalahnya dengan isu perkahwininan akan dibawa masuk ke dalam hubungan yang lain dan yang seterusnya. Namun, kemudiannya pada tahun yang sama, dia masih tidak dapat melupakan Jen. Dia mula berbaik dan menjalin kembali hubungan mereka, dan akhirnya berkahwin pada tahun seterusnya, diberkati oleh gereja dan kedua-dua pihak keluarga.

Ini merupakan harapan banyak pasangan. Tetapi berilah diri anda masa dan benarkan Tuhan mengatur rencana dan kehendak-Nya bagi hidup anda. Dalam masa itu, janganlah memohon diberikan hasil yang anda kehendaki, tetapi sebaliknya, serahkan diri kepada kehendak-Nya. Dia selalu selangkah di depan.

"Tapi bagaimana jika yang mahu memutuskan hubungan ialah dia dan bukan saya?"

Saya sedar ini begitu jelas, tetapi anda tidak boleh memaksa seseorang untuk meneruskan hubungan jika dia tidak mahu. Jadi, anda mesti lepaskan. Mungkin anda boleh adakah suatu perbualan dengan dia untuk mengetahui apa yang boleh anda lakukan supaya dia bertukar

pendapat. Tetapi jika dia sudah pasti mahu putuskan hubungan, kemungkinan besar tiada apa-apa yang dapat mengubah keputusannya. Yang tinggal, anda lepaskan sahaja, dan lepaskan dengan sebaik-baik mungkin.

Selepas memutuskan hubungan, berilah ruang kepada satu sama lain. Jangan teks. Jangan umumkan di Facebook atau twitter. Jangan hantar khabar melalui orang lain. Berikan dia ruangan. Jika tidak, kemungkinan anda menaikkan amarah dan kebenciannya.

Mengakhiri dengan baik menyediakan kedua-dua orang untuk masa depan yang lebih cerah

Ampunilah sekiranya sudah melukai satu sama lain sepanjang jalinan hubungan itu. Jangan berdendam. Jangan hebuhkan dalam akaun sosial media anda. Mereka yang harus tahu, akan tahu juga akhirnya. Lagipun, luka di hati kedua-dua pihak pasti masih segar, jadi berwaspada.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB SEBELAS

Putuskan Hubungan: Mungkin Hal yang Terbaik

1. Adakah anda mengenali seseorang yang sepatutnya memutuskan hubungan dengan pacarnya tetapi tidak? Apakah yang terjadi kepada kehidupan orang tersebut?
2. Apakah yang membezakan hubungan yang diputuskan dengan baik dengan satu yang mengakibatkan kelukaan mendalam bagi kedua-dua pihak?

BAB DUABELAS

Adakah Semua Orang Patut Kahwin?

Perkahwinan adalah persediaan Tuhan bagi lelaki dan perempuan. Dia menubuhkannya sebagai teladan perjanjian pernikahan: seorang laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya menjadi satu daging. (Kejadian 2:24). Kebanyakan kita akan bernikah. Namun ada yang tidak.

Kita boleh membahagikan mereka yang tidak berkahwin kepada dua kumpulan: mereka yang membuat pilihan membujang, dan mereka yang masih akan berkahwin jika ada yang calon yang berminat.

Bagi kumpulan yang pertama, terdapat banyak contoh yang terkenal. Mereka ini memperkayakan orang lain. Rasul Paulus pernah berkahwin. Isterinya mungkin sudah meninggal, atau dia meninggalkan Paulus selepas Paulus menjadi pengikut Yesus. Dia membuat pilihan tidak berkahwin lagi, seperti yang dikatakannya dalam I Korintus 7, kerana dia percaya dia boleh melayani Tuhan dengan lebih berkesan dalam pelayanannya, sebagai seorang bujang.

Sesetengah orang, seperti Paulus, memiliki karunia khas untuk membujang. (Lihat I Korintus 7) Mereka membujang menurut kehendak Tuhan bagi mereka. Terdapat ramai, khasnya kaum wanita, yang hidup membujang supaya boleh melayan Tuhan. Amy Carmichael, mubaligh ke India; Mary Slessor, menanam dirinya bagai benih di tanah Afrika Barat yang berbahaya; Ibu

Teresa, yang membuka hati dan tangannya kepada mereka yang sakit dan yang hampir mati di India, dan ramai lagi.

Sama ada anda sudah berkahwin atau belum – perkara ini antara anda dengan Tuhan. Jika Tuhan telah memberi anda karunia khas untuk membujang, maka anda akan pasti dan yakin bahawa hal inilah yang terbaik bagi diri anda serta pekerjaan Tuhan. Walaupun anda masih menghadapi godaan dan mengalami kesunyian, anda akan tahu bahawa pernikahan bukanlah untuk diri anda. Anda akan berupaya hidup membujang dengan anugerah kasih karunia Tuhan.

Kumpulan yang kedua lebih sukar sedikit. Mereka, khasnya kebanyakan wanita Asia, yang mahu bernikah dan mendirikan rumahtangga tetapi seakan-akan tidak ada yang berminat.

Tidak tahu saya jawaban yang sebagaimana yang akan memuaskan anda, tetapi ingatlah: membujang lebih baik daripada mengahwini seseorang yang tidak seiman, atau seseorang yang hanya mengaku mempercayai tetapi sebenarnya tidak.

Seorang gadis memberitahu saya bahawa tidak mungkin dia bahagia jika dia tidak berkahwin. Saya bertanya bagaimana dia boleh pasti perkahwinan akan memberi dia kebahagiaan. Sebenarnya, perkahwinan tidak menjadikan kita bahagia. Kita yang menjadikan sesuatu perkahwinan itu bahagia. Dan mengahwini pasangan yang tidak sesuai pasti menjaminkan ketidakbahagiaan!

Saya rasa hal yang paling baik yang boleh saya katakan, walaupun tidak sempurna, ialah jika anda tidak menemui seseorang calon yang berkenan kepada Tuhan, maka layanilah Tuhan dengan sepenuh hati dan jiwa anda. Biarlah Tuhan, dalam kebijaksanaan dan kasih-Nya mengisi ruang yang sepatutnya dipenuhi oleh pasangan dan anak-anak. Saya pasti sekali bahawa ianya lebih baik daripada apa yang anda boleh bayangkan.

Bahaya paling besar, sebagai seorang bujang, ialah perasaan mengasihani diri sendiri. Sikap ini mengatakan bahawa Tuhan tidak adil. Ia merupakan sikap yang menjadikan seseorang itu merungut dan mengeluh, bukan hanya sekadar membujang.

Kejutan!

Mungkin, anda seperti kawan kita, Martha. Hampir empat puluh tahun dia melayani Tuhan seorang diri, tanpa berkahwin, di Nigeria. Memang sukar, tetapi dia mengasihi orang-orang di sana. Tiada hasrat untuk berkahwin. Kemudian dia bertemu dengan Arthur. Ketika itu dia sudah lebih 60 tahun! Mereka berkahwin dan seterusnya melayani Tuhan bersama-sama, saling kasih mengasihi.

Sebelum menemui Arthur, Martha tidaklah menghabiskan masa menyesali zaman bujangnya. Sebaliknya dia melayani Tuhan. Arthur hanya merupakan kejutan yang Tuhan simpan bagi musim seterusnya. Adakah dia lebih gembira dan bahagia selepas berkahwin? Tidak, cuma gembira dan bahagia dalam cara yang lain.

RENUNGAN

Soalan-soalan dalam bahagian ini akan membantu anda merenungi ide-ide yang sudah saya kongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup. Anda boleh menggunakannya bersendirian, dengan seseorang kawan, atau dalam sekumpulan.

BAB DUABELAS

Adakah Semua Orang Harus Berkahwin?

1. Adakah anda kenal sesiapa yang membujang kerana dia tahu itu merupakan panggilan Tuhan untuknya?
2. Adakah di antara kawan-kawan anda yang risau kerana mereka masih bujang? Apakah bantuan yang boleh anda hulurkan kepada mereka?

BAB TIGABELAS

Bagaimana Memulakan dengan Betul: Peta Perhubungan

Bahagian ini membantu anda menyiapkan satu rancangan yang boleh diikuti setelah anda membaca semua yang tercatit dalam buku ini. Permulaan yang betul boleh membawa kejayaan kepada hubungan berpacaran. Begitu juga sebaliknya akan membawakan kekecewaan dan kekeliruan kepada kedua-dua pihak perempuan dan lelaki. Jadi, bagaimana mencapainya?

Bermula Di Sini

Adakah anda bersedia menjalinkan hubungan yang akan membuahkan perkahwinan? Jika tidak, jangan maju. Jika anda tidak pasti, bincanglah dengan ibubapa atau pengetua-pengetua rohani.

Jika anda rasa anda sudah bersedia, dan anda akan memulakan perhubungan itu:

- Sudahkah kedua-dua belah ibubapa berjumpa dengan anda berdua? Jika sudah, adakah anda menjangka sebarang masalah daripada kedua-dua pihak? Masalah-masalah seperti perbezaan kepercayaan, perhubungan dengan ahli keluarga yang lain dan sebagainya. Masalah-masalah ini tidak bermakna anda memutuskan hubungan, tetapi perlu diberikan perhatian.
- Sudahkah anda berbincang dengan pengetua-pengetua rohani anda? Ini merupakan langkah yang baik. Ketua anda mungkin dapat menolong anda menilaikan hubungan itu pada peringkat awal dan memberi anda nasihat bagaimana untuk meneruskannya.

Sudahkah anda berbincang tentang tujuan, hasrat dan pandangan rohani anda?
Pandangan rohani merujuk kepada sistem kepercayaan yang mempengaruhi tafsiran hidup anda atau pandangan hidup anda.

Jika anda sedang membincangkan hal-hal ini, adakah anda berdua semakin serasi atau sebaliknya anda menghadapi semakin banyak perselisihan? Terlalu banyak perselisihan tentang hal-hal yang utama dan penting merupakan petanda bahawa mungkin anda patut putuskan hubungan.

Sudahkah anda menetapkan batasan-batasan fisikal?

- Jika ya, huraikan batasan-batasan tersebut dengan ringkas:
- Jika tidak, adakah anda rasa kasih sayang fisikal anda berdua berada dalam batas-batas yang sihat? Ingatlah bahawa semasa berpacaran dan bertunangan, janganlah melampaui batas sehingga menyentuh bahagian-bahagian yang tidak sepatutnya.

Adakah anda akan berjauhan untuk jangka-jangka masa tertentu?

Jika ya, tahukah anda bagaimana menghadapi perpisahan seperti ini?

Sebaik sahaja anda pasti mahu bernikah, apakah jadualwaktu anda?

- Berapa lama dari sekarang sehingga hari pernikahan? Anda perlu fikirkan hal ini dan bukannya terpulang sahaja kepada peluang semata-mata. Anda boleh mengubah dan menyesuaikan rancangan anda menurut keperluan namun perlu ditetapkan suatu tarikh.
- Sebaik mungkin jangan terlalu lama atau terlalu singkat musim berpacaran anda. Tidak ada jangkamasa tertentu yang ditetapkan, tetapi sebaik-baiknya cukup lama untuk membuat persediaan dan mengadakan sesi kaunseling pra-nikah yang teguh dan berasas. Jangan tergopoh-gapah tetapi janganlah menangguh terlalu lama.
- Kaunseling Pra-nikah adalah persiapan akhir perkahwinan. Mula buat perancangan tiga hingga enam bulan sebelum tarikh perkahwinan.

Beberapa Soalan Dalam Memilih Pasangan yang Betul

Berdasarkan kepada *Mendirikan Pernikahan yang Berbahagia* (Building a Successful Marriage), Landis dan Landis, 1957

Gunakanlah soalan-soalan ini sebagai pedoman, bukannya sebagai senarai semak. Jika calon anda itu sesuai atau cocok, anda akan mendapati bahawa kebanyakan jawabannya adalah positif. Jawablah dengan sejujurnya. Malah, mungkin anda boleh catatkan apa yang menyebabkan anda tidak pasti dengan mana-mana soalan.

Sebagai contoh, marilah kita lihat soalan pertama:

“Adakah anda selesa bila bersama dia? Adakah anda diri anda yang sebenar tanpa pura-pura atau rasa terbatas?”

Anda boleh jawab YA atau TIDAK. Ataupun anda mungkin jawab begini: Kami masih terasa tak selesa, tapi semakin relaks. Nampaknya kami menuju haluan yang betul.

1. Adakah anda selesa bersama dia? Adakah anda diri anda yang sebenar tanpa pura-pura atau rasa terbatas?
2. Sejak dalam hubungan ini, adakah anda lebih bersemangat mencapai yang terbaik? Dalam erti kata lain, adakah hubungan ini membantu anda menjadi seorang yang lebih baik?
3. Adakah anda sedar bahawa terdapat ikatan yang kukuh antara anda berdua walaupun tidak terasa perasaan romantik? Perasaan berubah seperti perubahan cuaca. Hubungan seumur hidup harus mengharungi peredaran musim-musim emosi supaya berjaya.
4. Adakah anda mencintai dia semata-mata kerana rupanya? Masihkah anda mencintainya jika rupanya berubah. Lambat laun rupa wajah dan bentuk badan pasti terjadi!
5. Namun demikian, adakah anda suka dengan penampilannya? Adakah anda bangga dilihat bersama dia?
6. Sejauh mana anda berdua bersetuju dengan apa yang patut dikorbankan demi kebahagiaan bersama? Semua pasangan harus bersetuju dalam hal ini. Jika anda mahu kerjaya berbakti kepada golongan miskin dan dia mahu mencari wang sebanyak-banyaknya serta hidup mewah, anda mungkin tidak akan bersetuju dengan apa yang patut dikorbankan.
7. Adakah semakin mudah berbincang tentang hal-hal yang menimbulkan perselisihan agar mencapai persefahaman? (Adakah anda cukup mengenalinya sehingga mengenalpasti titik-titik perselisihan anda berdua?)
8. Adakah perselisihan anda berdua menghasilkan pemahaman yang lebih baik antara anda berdua? (Jika perselisihan dielakkan sahaja, atau pihak yang sama sering mengalah, itu tanda bahaya.)

9. Adakah anda yakin dengan penilaiannya? Adakah anda menghormati daya pemikirannya?
10. Bolehkah anda mengadu kepada dia dengan bebas, yakin sepenuhnya dia memahami apa yang dikatakan, menilai dengan sebaik-baiknya, dan tidak sekali-kali akan mendedahkan apa yang diberitahu?
11. Adakah anda gembira dan puas dengan cara dia menunjukkan rasa kasih sayangnya kepada anda?
12. Dengan pandangan ke masa depan secara realistik, adakah anda rasa anda berdua memiliki ciri-ciri bekerjasama dan jika perlu membuat pengorbanan demi kesatuan yang berterusan? (Secara singkat: adakah anda berpendapat anda boleh menjayakan perkahwinan anda?)
13. Adakah hubungan anda berdua mendekatkan anda kepada Tuhan? Adakah anda berdua percaya bahawa hubungan ini baik dan berkenan kepada Bapa Syurgawi?

BAGAIMANA SETERUSNYA?

Terima kasih kerana meluangkan masa membaca dan memikirkan tentang hal-hal yang dikongsikan dalam Pilihan Seumur Hidup.

Saya berharap ianya sudah membantu anda membuat pilihan yang terbaik bagi keputusan yang paling penting dalam hidup anda: siapakah yang akan anda kahwini?

Jika anda masih mempunyai soalan, silalah hubungi ChoosingForLife@mikediane.com. Saya gembira sekali mendapat berita anda.

Mazmur bagi Mereka yang Masih Bujang

Ini merupakan Mazmur 23 yang saya sesuaikan untuk mereka yang masih belum bernikah. Sambil anda membaca, ingatlah bahawa Yesus merupakan Gembala anda. Dia mengasihi anda. Dia tahu erti hidup seseorang yang bujang kerana Dia sendiri menjalani hidup sebagai seorang bujang ketika Dia berada di bumi. Siapa lagi, kalau bukan Yesus yang menjaga dan melindungi anda?

Yesus kawan karibku, Pelindungku,

Pemimpinku:

Aku akan dipuaskan.

Langkah-langkahku bersama-Nya menghasilkan rehat dan kesegaran. Dia memuaskan hati dan jiwaku.

Aku akan menghadapi segalanya bersama Yesus, Tuhanku. Dia menjadi temanku yang tetap dan setia.

Persekutuanku dengan-Nya hal yang terindah; Tidak akan aku benarkan musuh-musuhku merampasnya daripada diriku.

Aku dipenuhi and aku dipuaskan;

Dan Aku sentiasa selesa bersama-Nya.